

Mengamalkan Nilai-nilai Murni Terex Kita

TATAETIKA DAN TATAKELAKUAN TEREX



Perutusan oleh Encik John Garrison

Ahli-ahli Pasukan Sekalian:

Saya harap anda juga berasa bangga seperti saya kerana berpeluang menganggotai perusahaan yang berprestasi tinggi dan bertumpukan pelanggan ini. Antara sebab saya begitu bangga akan Terex ialah komitmen kita yang teguh terhadap nilai-nilai murni **Cara Terex. Cara Terex** ialah asas yang mengemudikan kita dalam perniagaan kita, iaitu menyediakan kelengkapan, perkhidmatan dan alat ganti yang terbaik dalam industri ini, demi memaksimumkan masa tugas kelengkapan milik pelanggan dan memberikan pulangan yang berbaloi dengan pelaburan mereka.

Keberuntungan yang baik sahaja tidak memadai. Kita mesti mencapainya dengan cara yang melahirkan integriti yang tinggi dan rasa hormat terhadap orang lain dan juga terhadap undang-undang dan peraturan yang mengawal operasi kita. Kegagalan berbuat demikian tidak boleh diterima. Kelakuan yang beretika itu lebih penting daripada keuntungan, jualan atau ukuran kejayaan perniagaan yang lain.

Tataetika dan Tatakelakuan ini benar-benar mencerminkan kepercayaan kita dan komitmen kerja kita sebagai perniagaan beretika yang patuh kepada undang-undang. Dengan demikian, saya mahu anda membacanya dengan baik, mematuhi dan sentiasa merujuknya. Sungguhpun

satu terbitan sahaja tidak mungkin meliputi setiap situasi yang mungkin anda hadapi di Terex, namun di dalamnya anda akan menemui panduan yang terbaik tentang pelbagai isu etika, perniagaan dan undang-undang.

Anda dikehendaki sentiasa menggunakan pertimbangan yang baik. Jika anda ragu-ragu, janganlah teragak-agak untuk mendapatkan panduan selanjutnya. Pelbagai sumber disediakan untuk anda, termasuklah pengurus anda and pasukan pengurusan, mana-mana anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex, Penganjur Tataniaga ("BPA")** bagi tempat anda, wakil Sumber Manusia bagi tempat anda, atau **Talian Bantuan Terex**.



John L. Garrison, Jr.
Pengerusi Lembaga Pengarah
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif



“Tataetika dan Tatakelakuan ini benar-benar mencerminkan kepercayaan kita dan komitmen kerja kita sebagai perniagaan beretika yang patuh kepada undang-undang.”

Tujuan Kita

Membantu menambah baik kehidupan orang ramai sekitar dunia.

Misi Kita

Menghasilkan penyelesaian untuk para pelanggan jentera dan produk perindustrian kita, yang memberikan produktiviti dan pulangan pelaburan yang terunggul.

Visi Kita

Pelanggan: Kita ingin menjadi syarikat yang paling cepat bertindak mengikut kehendak pelanggan dalam industri ini seperti yang ditentukan oleh pelanggan kita.

Kewangan: Kita ingin menjadi syarikat yang paling beruntung dalam industri ini mengikut ukuran ROIC (Pulangan Daripada Modal Yang Dilaburkan).

Ahli Pasukan: Kita ingin menjadi tempat kerja yang terbaik dalam industri kita, sebagaimana yang ditentukan oleh ahli-ahli pasukan kita.



CARA TEREX

Nilai-nilai Murni Kita



Integriti

Kejujuran, Etika, Ketelusan dan Akauntabiliti

- Kita tidak akan mengorbankan integriti semata-mata untuk mendapatkan keuntungan.
- Kita menjalankan semua urusan niaga secara telus.
- Kita bertanggungjawab kepada ahli-ahli pasukan kita, pelanggan kita dan pemegang saham kita untuk mencapai sasaran kita sambil melindungi reputasi dan aset kita.



Hormat

Keselamatan, Kesihatan, Kerjasama Berpasukan, Kepelbagaian, Keterangkuman dan Prestasi

- Kita sediakan suasana yang selamat dan sihat untuk ahli-ahli pasukan kita.
- Kita layan semua orang dengan hormat dan bermaruah.
- Kita hargai perbezaan pada pemikiran, latar belakang dan budaya setiap orang.
- Kita komited terhadap perkembangan ahli pasukan.



Peningkatan

Kualiti, Sistem Penyelesaian Masalah, Budaya Peningkatan Berterusan dan Usaha Sama

- Kita sentiasa mencari cara yang baharu dan yang lebih baik untuk melakukan kerja, meniadakan sisa dan meningkat secara berterusan.
- Kita cabar kelaziman dan kita mahukan sasaran yang sentiasa meningkat.
- Kita bekerja dalam pasukan-pasukan yang melintasi sempadan.



Kepimpinan Dalam Berkhidmat

Khidmat Kepada Orang Lain, Rendah Hati, Keaslian dan Kepimpinan Melalui Teladan

- Kita bekerja untuk menunaikan kehendak pelanggan kita, pelabur kita dan ahli-ahli pasukan kita.
- Kita pupuk "rantai sokongan" dan bukannya "rantai perintah".
- Kita bertanyakan cara kita dapat membantu.



Keberanian

Kesanggupan Mengambil Risiko, Tanggungjawab, Tindakan dan Pengupayaan

- Kita miliki keberanian diri dan keberanian profesional untuk berlaku betul dan kita ambil risiko yang mungkin menyebabkan kita kadang-kadang berjaya dan kadang-kadang gagal.
- Kita buat keputusan dan kita ambil tindakan.
- Janganlah kita menegur orang yang gagal, sebaliknya tegur orang yang gagal belajar.



Semangat Kewargaan

Tanggungjawab Sosial dan Penjagaan Alam Sekitar

- Kita warga dunia, negara dan tempatan yang terpuji.
- Kita menjaga dengan baiknya alam sekitar dan komuniti di tempat kita berkhidmat.
- Kita terlibat dengan usaha menyejahterakan lagi dunia kita ini.

Kandungan

Pendahuluan.....	5	Dengan Pelanggan Kita dan Di Tempat Perniagaan Kita.....	16	Melindungi Aset Syarikat	29
Siapa Yang Mesti Mengikuti Tataetika dan Tatakelakuan Ini.....	5	Komitmen Terhadap Kualiti dan Keselamatan Produk	16	Melindungi Hak terhadap Harta intelektual	29
Tanggungjawab Pihak Pengurusan	6	Berurusan Secara Adil.....	17	Melindungi Maklumat Perniagaan Yang Sulit	29
Membuat Keputusan Yang Betul	7	Antipakat dan Persaingan Adil.....	17	Maklumat Persaingan.....	30
Pelanggaran Tataetika dan Tatakelakuan Terex	7	Transaksi dan Hubungan Dengan Pembekal.....	18	Sistem Komunikasi dan Maklumat	31
Meminta Bantuan atau Membangkitkan Persoalan	8	Penghargaan Rasmi – Hadiah, Jamuan Makan, Hiburan, Tambang Perjalanan dan Penginapan.....	18	Kerahsiaan dan Perlindungan Data	32
Dasar Pintu Terbuka	8	Dilarang Merasuah	20	Dengan Kerajaan Kita dan Dengan Komuniti Kita.....	33
Tempat Mendapatkan Bantuan	9	Dilarang Mengubah Wang Haram	20	Pematuhan Undang-undang.....	33
Cara Menghubungi Talian Bantuan Terex	9	Kawalan Eksport, Larangan Perdagangan dan Sekatan Ekonomi.....	21	Hak Asasi Manusia.....	34
Membalas Dendam Dilarang Dengan Keras	10	Dengan Syarikat Kita dan Dengan Pemegang Saham Kita	24	Alam Sekitar	34
Dengan Ahli Pasukan Kita dan Di Tempat Kerja Kita	11	Perakaunan, Pelaporan Kewangan dan Kawalan Dalaman.....	24	Sokongan Komuniti dan Penglibatan Dengan Komuniti.....	35
Kesihatan dan Keselamatan.....	11	Kerjasama Dengan Penyelidikan, Penyiasatan dan Audit, Dalaman dan Luar.....	26	Sumbangan Amal, Penajaan dan Derma	35
Kepelbagaian, Kesaksamaan and Keterangkuman ...	13	Penipuan dan Salah Nyata.....	26	Kegiatan dan Sumbangan Politik	36
Diskriminasi dan Layanan Yang Adil	14	Penyimpanan Rekod.....	26	Indeks.....	37
Gangguan, Membuli dan Keganasan Di Tempat Kerja.....	14	Konflik Kepentingan	27		
Penggunaan Dadah atau Arak	15	Maklumat Orang Dalam dan Mendagangkan Saham Terex	28		
Kelakuan Diri, termasuklah Media Sosial	15				
Pertanyaan Media dan Orang Awam	15				

Pendahuluan

Tataetika dan Tatakelakuan kita menggariskan piawaian integriti dan kelakuan yang bertanggungjawab, yang perlu diikuti oleh setiap orang yang bekerja di Terex ataupun yang mewakili Terex. Kami percaya bahawa integriti sangat penting bagi kejayaan kita dan tidak hanya menjadi tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif dan eksekutif kanan korporat kita; tetapi tanggungjawab setiap ahli pasukan Terex.

Tataetika dan Tatakelakuan ini Disusun ke dalam Lima (5) Bahagian

Cara Terex:

- Meminta Bantuan atau Membangkitkan Persoalan
- Dengan Ahli Pasukan Kita dan Di Tempat Kerja Kita
- Dengan Pelanggan Kita dan Di Tempat Perniagaan Kita
- Dengan Syarikat Kita dan Dengan Pemegang Saham Kita
- Dengan Kerajaan Kita dan Dengan Komuniti Kita

Tataetika dan Tatakelakuan ini boleh didapati pada **Intranet Global Terex** dan pada internet di **www.terex.com**. Semua dasar dan garis panduan berasingan yang dirujuk di dalam Tataetika dan Tatakelakuan ini dipautkan dan ditempatkan pada **Intranet Global Terex** ataupun boleh dimohon daripada pengurus anda.

Siapa Yang Mesti Mengikuti Tataetika dan Tatakelakuan Ini

Semua ahli pasukan Terex Corporation, anak-anak syarikatnya dan syarikat-syarikat usaha sama yang dimiliki bahagian majoritinya atau yang dikawal oleh Terex Corporation (selepas ini disebut "Syarikat" atau "Terex" sahaja) serta ahli-ahli Lembaga Pengarah Terex Corporation dikehendaki membaca dengan teliti dan mematuhi Tataetika dan Tatakelakuan ini, dan hendaklah memaklumkan kepada Syarikat tentang pelanggarannya, jika berlaku. Ahli pasukan merangkumi semua orang yang diambil sebagai pekerja oleh Syarikat.

Kami juga menghendaki semua kontraktor Terex, pakar runding Terex dan pihak-pihak lain, yang mungkin ditugaskan secara sementara untuk melakukan kerja Terex atau menyampaikan perkhidmatan kepada Terex, mematuhi Tataetika dan Tatakelakuan ini sehubungan dengan kerja atau perkhidmatan yang dilaksanakan bagi



"Gunalah pertimbangan perniagaan yang baik dan elakkan walaupun keadaan yang cuma membayangkan bahawa anda tidak berkelakuan betul."

pihak Terex. Terex tidak akan menggunakan pihak ketiga untuk memintasi nilai-nilai murni atau piawaian yang diterangkan di dalam Tataetika dan Tatakelakuan Terex ini.

Terex berhak mengubah atau menyemak semula Tataetika dan Tatakelakuan ini pada bila-bila masa, berserta ataupun tanpa notis, tertakluk kepada undang-undang yang dikenakan. Harap maklum bahawa Tataetika dan Tatakelakuan ini tidak mengetengahkan semua dasar dan garis panduan yang berkenaan dengan setiap ahli pasukan Terex ataupun setiap ahli Lembaga Pengarah Terex Corporation.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan

Barisan pengurusan Terex, termasuklah semua ahli pasukan yang berpangkat pegawai dan pengarah, dan mana-mana ahli pasukan yang menjalankan peranan sebagai penyelia, memikul tanggungjawab khas, iaitu membudayakan integriti yang teguh, tataniaga beretika dan komitmen terhadap **Cara Terex**.

Pihak pengurusan Terex mesti memimpin melalui teladan dan menetapkan nada kepatuhan sepenuhnya. Anggota pengurusan Terex tidak akan membelakangi pelanggaran Tataetika dan Tatakelakuan yang telah berlaku ataupun yang boleh berlaku, yang diketahuinya melalui apa cara pun. Sebaliknya, mereka dikehendaki melaporkan semua pelanggaran Tataetika dan Tatakelakuan Terex dan mana-mana dasar Terex, ataupun pelanggaran undang-undang, yang telah berlaku ataupun yang boleh berlaku, kepada penyelia masing-masing, kepada **Penganjur Tataniaga (“BPA”)** bagi tempat mereka, kepada mana-mana anggota pasukan **Etika dan Pematuhan Terex** ataupun kepada mana-mana peguam di **Jabatan Undang-undang Terex**. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang cara mengutarakan persoalan atau pelanggaran, baca **Panduan Terex Untuk Pengurus Tentang Cara Mengutarakan Persoalan**.

Ahli pasukan Terex tidak dibenarkan menyiasat pelanggaran Tataetika dan Tatakelakuan Terex, dasar Terex atau undang-undang, yang telah ataupun yang boleh berlaku, kecuali diberi kebenaran berbuat demikian secara nyata, sebagaimana yang ditetapkan di dalam **Panduan Terex Untuk Pengurus Tentang Cara Mengutarakan Persoalan**.



Pihak pengurusan Terex memikul tanggungjawab yang khas, iaitu membudayakan integriti yang teguh, tataniaga beretika dan komitmen terhadap **Cara Terex**.

Kategori Mengutarakan Persoalan Untuk Pengurus

KATEGORI	SITUASI/CONTOH	UTARAKAN KEPADA
Hal-hal Pematuhan Korporat Terex	Penipuan, rasuah, hal perakaunan, pengubahan wang haram	Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan Pengarah Etika dan Pematuhan Ketua Peguam Ketua Pegawai Kewangan
Hal-hal HSE Terex	Hal-hal keselamatan atau persekitaran	Pengarah Kanan, HSE Global
Hal-hal Pematuhan Perniagaan Tempatan	Pelanggaran yang mungkin telah berlaku terhadap Tataetika dan Tatakelakuan Terex, dengan syarat tiada kemungkinan berlakunya implikasi reputasi atau implikasi kewangan yang melebihi nilai yang setara dengan \$1000	Pengurusan Tempatan Sumber Manusia Ketua Kewangan Tempatan Penganjur Tataniaga (“BPA”)
Hal-hal Sumber Manusia	Diskriminasi Membuli Hal-hal lain yang berkait dengan sumber manusia (contohnya, gangguan seksual, salah guna internet syarikat)	Pengurusan Tempatan Sumber Manusia
Soalan-soalan Am	Cara menggunakan Tataetika dan Tatakelakuan Terex Memahami dasar-dasar Etika dan Pematuhan kita (contohnya, soalan tentang dasar kita yang melarang tindakan balasan) Cara menggunakan Talian Bantuan Terex dan pertanyaan mengenai proses penyiasatan kita	Ahli Pasukan Etika dan Pematuhan Pengurusan Tempatan Sumber Manusia Penganjur Tataniaga
Hal-hal Tindakan Balasan	Persoalan mengenai tindakan balasan yang mungkin boleh atau yang sedang berlaku, dalam apa sahaja bentuk, termasuklah mana-mana jenis tindakan buruk yang menjejaskan pekerjaan, diskriminasi, diletakkan pada kedudukan yang merugikan atau sebarang tingkah laku buruk terhadap seseorang ahli pasukan yang telah membangkitkan persoalan atau pertuduhan	Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan Naib Presiden Kumpulan, Sumber Manusia
Notis Undang-undang daripada Pihak Ketiga	Apa-apa jenis notis, aduan, pertuduhan dan sebagainya dalam bentuk bertulis, mengenai tindakan undang-undang yang dihantar oleh pihak ketiga, misalnya firma undang-undang atau agensi kerajaan (contohnya, surat yang mengugut hendak mengemukakan tuntutan mahkamah, surat yang memberitahu syarikat mengenai ketidakpatuhan kepada mana-mana undang-undang atau peraturan)	Mana-mana peguam dari Jabatan Undang-undang Terex

Membuat Keputusan Yang Betul

Jika anda ragu-ragu tentang cara mematuhi Tataetika dan Tatakelakuan ini, dasar korporat dan dasar tempatan, atau **Cara Terex**, tanya diri sendiri

- 1 Adakah perbuatan ini dibenarkan oleh undang-undang?
- 2 Adakah perbuatan ini selaras dengan nilai-nilai murni **Cara Terex**?
- 3 Adakah saya akan berasa bangga jika saya membaca mengenai perbuatan saya ini, ataupun mengenai perbuatan ahli pasukan yang lain, di dalam surat khabar? Apakah agaknya yang akan difikirkan oleh keluarga, kawan-kawan, pengurus atau rakan-rakan sekerja saya?
- 4 Adakah perbuatan saya ini bertanggungjawab? Adakah perbuatan ini baik untuk perniagaan kita dan menjaga nama baik Syarikat?


Jika jawapannya "Tidak" bagi mana-mana soalan ini, jangan lakukan. Jika anda masih kurang yakin, rujuk *Cara Terex Meminta Bantuan atau Membangkitkan Persoalan* di dalam bahagian pertama Tataetika dan Tatakelakuan ini.

Pelanggaran Tataetika dan Tatakelakuan Terex

Kegagalan mematuhi Tataetika dan Tatakelakuan ini boleh mengakibatkan tindakan tatatertib termasuklah dipecat. Terex, atas budi bicaranya, boleh mengambil tindakan lain yang berpatutan, misalnya latihan atau semakan semula dasar dan proses. Terex boleh menamatkan perkhidmatan kontraktor Terex, pakar runding Terex dan pihak-pihak lain yang mungkin ditugaskan untuk melakukan kerja Terex atau menyampaikan perkhidmatan kepada Terex, jika mereka tidak mematuhi Tataetika dan Tatakelakuan ini.



Uji Diri



CARA TEREX

Meminta Bantuan atau Membangkitkan Persoalan

Salah satu sebab Terex menjadi tempat kerja yang hebat ialah suasana di sini yang terbuka dan menyokong warganya. Bahagian Tataetika dan Tatakelakuan yang seterusnya, iaitu *Cara Terex Meminta Bantuan atau Membangkitkan Persoalan*, diharap dapat memastikan ahli-ahli pasukan kita berasa selesa apabila mengemukakan pendapat, idea, soalan dan keluhan. Kami percaya penting disediakan berbilang saluran bagi kemudahan ahli pasukan kita mendapatkan pertolongan dan sokongan.

Dasar Pintu Terbuka

Terex mengamalkan budaya pintu terbuka supaya ahli pasukan berasa selamat apabila mendapatkan nasihat atau membangkitkan persoalan, tanpa takut dikenakan tindakan balas. Semua soalan dan keluhan dianggap serius dan akan segera ditangani.



Tempat Mendapatkan Bantuan

Terex menyediakan beberapa sumber untuk ahli-ahli pasukan yang ragu-ragu tentang cara menilai atau menyelesaikan sesuatu situasi, seperti:

Pengurus Anda: Selalunya, inilah cara terbaik untuk mendapatkan jawapan bagi soalan anda dan mengemukakan masalah dan keluhan.

Pengurusan Tempatan: Jika anda tidak dapat membincangkan soalan atau keluhan anda dengan pengurus anda, pergilah bercakap dengan salah seorang anggota pasukan pengurusan tempatan anda.

Penganjur Tataniaga (“BPA”): Penganjur Tataniaga bagi tempat anda boleh menolong anda menyelesaikan masalah dan persoalan yang berkaitan dengan amalan perniagaan ataupun mendapatkan orang yang boleh menjawab pertanyaan anda.

Sumber Manusia: Wakil Sumber Manusia bagi tempat anda boleh menolong anda menyelesaikan masalah dan persoalan yang berkaitan dengan sumber manusia ataupun mendapatkan orang yang boleh menjawab pertanyaan anda.

Pasukan Etika dan Pematuhan Terex: Mana-mana anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex** adalah sumber yang boleh anda hubungi jika anda ingin mengemukakan soalan atau keluhan; jika anda mengesyaki berlaku pelanggaran Tataetika dan Tatakelakuan ini, undang-undang atau dasar Terex; atau jika anda kurang pasti tentang tempat mendapatkan bantuan.

Talian Bantuan Terex: **Talian Bantuan Terex** ialah talian bantuan sulit yang boleh dihubungi 24 jam setiap hari untuk bertanya soalan atau mengemukakan keluhan. Anda boleh menghubungi Talian Bantuan Terex menggunakan



kod QR mudah alih, melalui telefon atau dengan cara mengemukakan laporan dalam talian menggunakan salah satu pilihan di bawah ini:

CARA MENGHUBUNGI TALIAN BANTUAN TEREX

Kod QR	
Telefon	Cari nombor anda di sini
Kemukakan laporan dalam talian	Intranet Global Terex, www.terex.com atau www.ethicspoint.com .

Cara Menghubungi Talian Bantuan Terex

Talian Bantuan Syarikat kita yang sulit ini dikendalikan oleh pihak ketiga bebas yang dianggotai pakar yang terlatih, yang fasih bertutur berbilang bahasa dan berkhidmat 24 jam sehari, 7 hari seminggu.

Apabila anda menghubungi **Talian Bantuan Terex**, anda tidak perlu mengenalkan diri anda, dan kami akan menghormati pilihan anda itu. Walau bagaimanapun, lebih eloklah jika anda memberikan nama anda kerana ini akan mempercepatkan proses penyelesaiannya. Yakinlah bahawa apabila anda menghubungi **Talian Bantuan Terex**, maklumat yang anda berikan tidak akan dihantar kepada pengurus anda, pengurus besar/ketua tapak anda, ataupun kepada mana-mana ahli pasukan yang dinamakan di dalam laporan yang anda buat melalui Talian Bantuan Terex itu. Hanya sebilangan kecil ahli pasukan korporat Terex, seperti anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex** dan **Ketua Peguam**, akan menerima maklumat yang anda berikan melalui **Talian Bantuan Terex**. Semua laporan yang dikemukakan melalui **Talian Bantuan Terex** akan dikaji dan disiasat.

Jika anda berada di negara yang mengehadkan penggunaan talian bantuan yang tidak memerlukan pemanggil mengenalkan dirinya disebabkan undang-

undang kerahsiaan tempatan, hal-hal yang boleh anda bangkitkan melalui **Talian Bantuan Terex** mungkin terbatas. Dalam keadaan begini, **Talian Bantuan Terex** telah disesuaikan untuk menerima laporan hanya jika dibenarkan oleh undang-undang kerahsiaan tempatan. Jika anda bimbangkan sesuatu yang tidak boleh anda bangkitkan melalui **Talian Bantuan Terex** disebabkan larangan undang-undang, kami mohon anda hubungi wakil Sumber Manusia bagi tempat anda, mana-mana anggota pengurusan atau mana-mana anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex**.



Soal Jawab

Saya telah mengemukakan Laporan melalui Talian Bantuan Terex. Apakah yang harus saya lakukan seterusnya? Bagaimana dapat saya tahu sama ada Syarikat sedang mengambil tindakan?

Membalas Dendam Dilarang Dengan Keras

Kami komited terhadap usaha mewujudkan suasana yang membolehkan ahli pasukan mengemukakan pertanyaan atau keluhan seta menyertai proses penyiasatan tanpa rasa takut dihukum atau dikenakan tindakan yang buruk. Tindakan buruk boleh berupa "tindakan balasan yang nyata", contohnya dipecat, digugurkan jawatan, dipindahkan atau diturunkan pangkat. Terex juga tidak akan membiarkan sahaja "tindakan balasan yang kurang nyata", contohnya semakin tidak dihiraukan, dilayan dengan buruk oleh rakan-rakan sekerja, beban kerja atau tugas diubah atau tidak dilibatkan dalam majlis-majlis keramaian.

Dasar "larangan membalas dendam" kita yang tegas menyokong komitmen kami kepada anda selaku ahli pasukan kita yang amat berharga dan juga kepada **Cara Terex**. Sebagai membalas komitmen kami ini, Terex menghendaki agar setiap aduan atau persoalan yang anda percaya patut disiasat itu dikemukakan dengan niat yang baik. Ahli pasukan yang melanggar larangan membalas dendam kita ini akan dikenakan tindakan tatatertib, dan boleh dipecat, menurut undang-undang yang berkuat kuasa.

Jika anda percaya bahawa anda menerima tindakan balasan, dan juga jika anda percaya bahawa pengurus anda sendiri yang terlibat dengan tindakan balasan itu, hubungilah jabatan Sumber Manusia. Jika anda berasa kurang selesa menghubungi jabatan Sumber Manusia, beberapa saluran lain disediakan untuk anda, termasuklah **Talian Bantuan Terex**, seperti yang digariskan pada muka surat 9 Tataetika dan Tatakelakuan ini.



Uji Diri

Saya bimbang kalau saya melaporkan salah laku, saya akan dikenakan tindakan balasan. Bagaimana dapat saya tahu sama ada pengurus saya menjadikan saya sasaran, dengan cara yang akan menjejaskan kerjaya saya? Adakah mana-mana tindakan ini tanda tindakan balasan? Pilih semua jawapan yang berkenaan.

CARA TEREX

Dengan Ahli Pasukan Kita dan Di Tempat Kerja Kita

Kita ingin menjadi tempat kerja yang terbaik dan paling selamat dalam industri kita, sebagaimana yang ditentukan oleh ahli-ahli pasukan kita. Bahagian Tataetika dan Tatakelakuan ini yang berikutnya, iaitu *Cara Terex Dengan Ahli Pasukan Kita dan Di Tempat Kerja Kita*, menggariskan apa yang dikehendaki daripada kita masing-masing dari segi kelakuan diri dan cara melayan orang lain.

Kesihatan dan Keselamatan

Keselamatan diri anda penting bagi ramai orang, seperti keluarga anda, rakan-rakan sekerja anda dan komuniti anda. Bagi Terex, keselamatan adalah cara hidup yang mutlak, sama ada anda bekerja dengan kami, menjadi pembekal kami, menggunakan kelengkapan kami atau mendapat perkhidmatan kami. Semua ahli pasukan komited terhadap perjalanan kita menuju "Sifar Mudarat" dan bertanggungjawab terhadap satu sama lain untuk meningkatkan tahap keselamatan secara berterusan. Kita patuhi semua undang-undang keselamatan dan percaya bahawa keselamatan lebih diutamakan daripada apa-apa pun.

CARA AHLI PASUKAN MENCEGAH KECEDEeraan SEMASA BEKERJA

Mohon Bantuan Jika Kurang Selesa



Jangan Gunakan Kekerasan



Kendalikan Bahan Dengan Cermat



Asas Yang Teguh



Jauhkan Tangan dan Jari Daripada Mesin



Sarung Tangan Mesti Dipakai



Ikuti Kerja Piawai



Ketahui Bahagian Yang Bergerak



dan Laporkan Kemalangan Yang Nyaris-nyaris Berlaku



Keselamatan diri anda penting. Hentikan kerja seketika jika situasi dirasakan tidak selamat, ataupun anda tidak dapat mematuhi semua piawaian keselamatan, undang-undang dan peraturan yang dikenakan.

Kami akui bahawa kerja yang kita lakukan dan persekitaran tempat kita beroperasi mungkin menghadapi risiko kesihatan dan keselamatan. Ahli pasukan mesti tahu dan patuh kepada semua piawaian keselamatan, undang-undang dan peraturan yang dikenakan terhadap pekerjaan masing-masing. Ahli pasukan janganlah sekali-kali mengambil risiko apabila menjalankan tugas, yang boleh membahayakan diri sendiri ataupun diri orang lain. Selain itu, kami menghendaki setiap orang:

- **Menghentikan kerja seketika** dan meminta bantuan penyelia anda jika dedahan yang sedang anda alami itu tidak dikawal ataupun anda tidak dapat mengikuti **Kelakuan Penyelamat Nyawa Terex**.
- **Laporkan situasi** “Kemalangan Yang Nyaris-nyaris Berlaku” untuk memastikan risiko dapat dikawal pada masa akan datang.
- **Katakan sesuatu** semasa mesyuarat keselamatan dan pasukan supaya kekhawatiran anda dan pasukan anda tentang keselamatan diketahui. Tanya soalan untuk memahami sesuatu situasi dan dengar pandangan orang lain.
- **Libatkan diri** dalam usaha menyelesaikan masalah keselamatan, sumbangkan idea yang dapat meningkatkan tahap keselamatan, sertai latihan dan perbincangan secara giat dan kongsi pengetahuan anda tentang keselamatan untuk meningkatkan kesedaran orang lain.
- **Campurkan tangan secara hormat** jika anda nampak ahli pasukan berada dalam situasi yang berisiko, dan cadangkan kepadanya pilihan lain yang lebih selamat. Jika anda ahli pasukan yang menerima maklum balas itu, jawablah dengan hormat.

Lahirkan kekhawatiran anda tentang keselamatan kepada pengurus anda, pakar Kesihatan, Keselamatan Dan Alam Sekitar ("HSE") anda, wakil Sumber Manusia bagi tempat anda atau mana-mana anggota pengurusan tempatan.



Soal Jawab

Bagaimana caranya mengenal keadaan kerja yang berbahaya?

Kepelbagaian, Kesaksamaan and Keterangkuman

Terex komited terhadap usaha mengambil, melibatkan, mengembangkan dan mengekalkan khidmat pekerja pelbagai latar belakang pada setiap peringkat tenaga kerja global kita. Kami percaya bahawa tempat kerja yang terbaik menghargai segala bentuk kepelbagaian, antara lainnya dari segi jantina, haluan seksual, umur, bangsa, negara asal dan/ atau kerakyatan dan sistem kepercayaan. Kita hargai setiap bakat, kemahiran, kebolehan, budaya dan pengalaman yang dibawa oleh setiap ahli pasukan ke organisasi kita. Kepelbagaian yang luas ini membolehkan kita memperoleh hasil perniagaan yang kukuh dan mencapai kepuasan diri.

Kepelbagaian itu sendiri tidak memadai. Kita ingin bersikap adil dan saksama apabila membuat keputusan untuk menjamin kesaksamaan di tempat kerja kita. Kita sedar bahawa kepelbagaian tanpa keterangkuman tidak akan berjaya. Kita mahukan suasana yang memberi ahli-ahli pasukan kita semangat kekitaan dan dorongan. Kita latih ketua-ketua kita mengenai tingkah laku yang merangkum dan kita sokong ahli-ahli pasukan kita melalui program bimbingan. Kami dengan besar hatinya menyediakan **Kumpulan Pertalian Terex** untuk semua ahli pasukan seluruh dunia. Kumpulan Pertalian ialah cara yang berkesan untuk ahli-ahli pasukan berinteraksi, bertukar pendapat, menjalinkan rangkaian, menyokong satu sama lain dan berkembang. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya dan untuk mengetahui cara mendaftarkan diri, pergi ke **laman Intranet Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman Terex**, atau hubungi **Pasukan Kepelbagaian**.

Akhirnya, kita berhasrat mencapai tahap kepelbagaian yang sama seperti pelanggan kita dan pasaran yang kita sertai serta komuniti tempat kita tinggal dan bekerja. Kita percaya bahawa jika kita dapat meningkatkan tahap kepelbagaian dan keterangkuman, maka kita mampu menjadikan Terex lebih berjaya dalam pasaran, menambahkan kebolehan kita menghasilkan inovasi, bertindak dengan lebih cepat terhadap kehendak pelanggan kita, meninggikan nilai untuk pemegang saham dan menjadi tempat kerja yang lebih baik untuk ahli-ahli pasukan kita.



*Able & Disabled Allies Partnering Together
 **Building Relationships in Diverse Group Environments

Kita berhasrat mencapai tahap kepelbagaian yang sama seperti pelanggan kita dan pasaran yang kita sertai serta komuniti tempat kita tinggal dan bekerja.

Diskriminasi dan Layanan Yang Adil

Tempat kerja yang terbaik mewujudkan suasana positif yang melayan semua orang dengan hormat, bermaruah dan adil. Diskriminasi atau balasan dendam terhadap ahli-ahli pasukan atas apa jua alasan tidak akan dibiarkan sahaja. Hubungan kerja antara kita perlu mencerminkan komitmen kita terhadap keadilan dan rasa hormat, dan tindakan kita mestilah bertertib, tanpa tanggapan serong mahupun prasangka.

Budaya di Terex terdorong oleh prestasi. Prestasi dan/atau kelayakan pekerjaan seseorang sahajalah pembeza yang boleh diterima apabila mengambil khidmat, menaikkan pangkat dan melayan ahli pasukan Terex.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang komitmen Terex menyediakan peluang pekerjaan yang saksama, bacalah **Dasar Peluang Pekerjaan Yang Saksama dan Cegah Gangguan Terex Corporation**. Jika anda percaya bahawa anda menjadi mangsa diskriminasi dengan cara yang melanggar dasar kita atau undang-undang, termasuklah dikenakan tindakan balasan, hubungi pengurus anda. Jika anda berasa kurang selesa, ataupun

jika anda rasa pengurus anda terlibat atau mungkin terlibat melakukan kesalahan, beberapa sumber lain disediakan untuk anda. Maklumat perhubungan boleh didapati di dalam Tataetika dan Tatakelakuan kita, iaitu di dalam bahagian *Cara Terex Meminta Bantuan atau Membangkitkan Persoalan*, dan juga di dalam **Dasar Peluang Pekerjaan Yang Saksama dan Cegah Gangguan Terex Corporation**.

Gangguan, Membuli dan Keganasan Di Tempat Kerja

Budaya Terex tidak membenarkan apa jua bentuk gangguan, membuli atau keganasan, sama ada di dalam mahupun di luar kawasan kerja, contohnya semasa melakukan perjalanan atas urusan rasmi, semasa menghadiri mesyuarat dan/atau semasa acara keramaian yang berkait dengan perniagaan kita. Piawai kelakuan yang sama ini dikenakan terhadap ahli-ahli pasukan Terex dan terhadap semua pihak yang berurusan dengan kita, seperti peniaga, pakar runding dan pelanggan.

Gangguan ialah kelakuan yang membuatkan orang lain berasa tersisih atau kurang selesa, ataupun yang

dimaksudkan untuk menakutkan orang lain atau menghalang mereka melaksanakan tugas dengan berkesan. Gangguan boleh berbentuk lisan, bukan lisan, fizikal atau seksual. Antaranya ialah menggunakan stereotaip yang buruk, menakutkan orang lain, berjenaka dengan cara yang menghina, ataupun mengedarkan atau menyiarkan bahan yang tidak senonoh. Gangguan seksual merangkumi pelbagai kelakuan, ada yang kurang nyata daripada yang lain, seperti mengorot, atau mengeluarkan komen, membuat lawak, menggunakan bahasa atau melakukan isyarat yang menghina orang lain.

Ahli pasukan digalakkan segera melaporkan kekhawatiran mengenai gangguan, membuli atau keganasan yang diperhatikan ataupun yang disyaki berlaku kepada pengurus masing-masing. Walau bagaimanapun, jika anda berasa kurang selesa, ataupun jika anda rasa pengurus anda terlibat melakukan kesalahan tersebut, beberapa saluran lain disediakan untuk anda. Maklumat perhubungan boleh didapati di dalam Tataetika dan Tatakelakuan kita, iaitu di dalam bahagian *Cara Terex Meminta Bantuan atau Membangkitkan Persoalan*, ataupun di dalam **Dasar Peluang Pekerjaan Yang Saksama dan Cegah Gangguan Terex Corporation**.

JIKA PERBUATAN ANDA KELIHATAN SEPERTI

TERASA SEPERTI

ATAU BERBUNYI SEPERTI

STOP

BERHENTI. INI GANGGUAN!



Gambar Yang Tidak Senonoh



Menakut-nakutkan, Mengugut atau Mendera Orang Lain



Kritikan Yang Tidak Adil, Kasar atau Tidak Putus-putus



Meminta/Menuntut Layanan Seks



Caci Maki



Jenaka, Gelaran atau Penghinaan Yang Menjelikkan



Menghendap atau Menjeling



Tingkah Laku Agresif



Menyentuh Tanpa Sebab



Menyebarkan Khabar Angin Dengan Niat Jahat



Komen Mengenai Penampilan



Komen Yang Kejam, Merendahkan Orang dan Mengeji



Penggunaan Dadah atau Arak

Orang yang berada di bawah pengaruh bahan yang memabukkan atau yang diharamkan semasa bekerja akan menimbulkan risiko kesihatan dan keselamatan yang serius, bukan hanya terhadap diri sendiri tetapi juga terhadap semua orang di sekelilingnya ataupun yang berhubung dengannya. Ini bercanggahan dengan matlamat Syarikat kita, iaitu memelihara suasana kerja yang selamat dan produktif. Oleh itu, memiliki, menggunakan, meminum, membeli, mengedarkan, mengilang, membekalkan, berada di bawah pengaruh atau menjual arak ataupun apa-apa bahan yang memabukkan atau yang diharamkan di kawasan Syarikat, semasa waktu kerja ataupun semasa bertugas, tidak dibenarkan. Arak boleh diminum secara berpadu-pada semasa majlis Syarikat yang tertentu, yang menghadirkan minuman keras yang dibekalkan oleh Syarikat, jika bersesuaian dengan adat tempatan, dan jika khususnya dibenarkan oleh pengurus besar atau ketua tapak. Penggunaan ubat preskripsi atau ubat-ubat lain dibenarkan hanya jika ubat itu tidak menjejaskan pertimbangan ahli pasukan yang berkenaan, mahupun kemampuannya melaksanakan tugasnya dengan selamat.

Kelakuan Diri, termasuklah Media Sosial

Komitmen diperlukan daripada kita semua, setiap hari, untuk mewujudkan tempat kerja yang terbaik dan paling selamat. Kelakuan diri kita meninggalkan kesan terhadap reputasi Terex dan janganlah kita sekali-kali menganggapnya remeh. Cara kita berkelakuan di tempat kerja ataupun di mana-mana tempat lain yang ada kaitan dengan kerja, termasuklah semasa melakukan perjalanan atas urusan rasmi, semasa menghadiri mesyuarat dan semasa menghadiri acara keramaian yang berkaitan dengan perniagaan kita, akan menjejaskan reputasi Syarikat kita. Setiap ahli pasukan dikehendaki mengikuti Tataetika dan Tatakelakuan ini dan menggunakan pertimbangan yang baik apabila membuat keputusan dan bertindak. Setiap ahli pasukan mewakili Terex.

Berhati-hatilah juga apabila menampilkan diri dalam talian melalui forum maya ataupun pada laman perangkaan atau laman-laman media sosial yang lain. Maklumat tambahan mengenai penggunaan media sosial boleh didapati di dalam **Garis Panduan Penggunaan Media Sosial Untuk Ahli Pasukan Terex**.

Pertanyaan Media dan Orang Awam

Komunikasi dengan media berita dan pihak-pihak lain di luar Syarikat kita sangat penting dan boleh meninggalkan kesan terhadap perniagaan kita dan juga terhadap reputasi Terex. Penting dipastikan bahawa komunikasi daripada Syarikat semuanya konsisten, tepat, bertanggungjawab, patuh dan profesional. Atas sebab-sebab itu, ahli pasukan yang tidak diberi kuasa mesti merujuk kepada apa-apa permintaan maklumat kewangan, maklumat orang dalam atau maklumat Syarikat yang lain kepada pihak Perhubungan Pelabur Terex menurut **Garis Panduan Komunikasi Luar Terex**.



Uji Diri

Saya dijadualkan akan menguji joran baru bagi sebuah pelantar kerja yang tinggi. Apabila joran itu dipanjangkan, saya akan mendapat pandangan yang terbaik ke seluruh kilang dan kawasan kerja Terex. Sementara saya berada di atas joran itu, bolehkah saya mengambil gambar menggunakan telefon pintar saya dan menyiarkan gambar itu pada media sosial?

CARA TEREX

Dengan Pelanggan Kita dan Di Tempat Perniagaan Kita

Selain menjadi tempat kerja yang terbaik, kita ingin menjadi syarikat yang paling cepat bertindak mengikut kehendak pelanggan dalam industri ini seperti yang ditentukan oleh pelanggan kita. Kita terdorong oleh misi kita, iaitu menghasilkan penyelesaian untuk para pelanggan kita, yang memberikan produktiviti dan pulangan pelaburan yang terunggul. Kita akan mencapai hasrat ini dengan cara bersaing dengan adil, pada tahap integriti yang tertinggi, dalam setiap pasaran yang kita sertai. Bahagian Tataetika dan Tatakelakuan ini yang berikutnya, iaitu *Cara Terex Dengan Pelanggan Kita dan Di Tempat Perniagaan Kita*, menggariskan apa yang dikehendaki daripada kita masing-masing supaya dapat mencapainya.



"Kita komited terhadap kualiti dan keselamatan produk, mereka bentuk dan mengilangkan produk yang menepati atau melebihi piawaian yang berkenaan."

Komitmen Terhadap Kualiti dan Keselamatan Produk

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, kita perlu membekalkan produk-produk berkualiti yang selamat digunakan untuk tujuan yang dimaksudkan. Hal ini merangkumi komitmen terhadap usaha mereka bentuk dan mengilangkan produk yang menepati atau melebihi semua piawaian dan peraturan yang berkenaan dengan pasaran masing-masing.

Berurusan Secara Adil

Kita berurusan dengan integriti dalam pasaran dan bersaing berdasarkan kelebihan produk yang kita hasilkan dan perkhidmatan yang kita sediakan. Kita berurusan secara jujur dan adil dengan pelanggan, pembekal, ahli pasukan, pengedar, rakan niaga, pesaing dan pihak-pihak lain yang berkepentingan. Janganlah ahli pasukan sekali-kali putar belitkan fakta, sembunyikan maklumat, salah gunakan maklumat sulit atau gunakan manipulasi untuk mendapatkan kelebihan apabila menjalankan urus niaga bagi pihak Terex.

Antipakat dan Persaingan Adil

Kita menyokong dan mematuhi semua undang-undang antipakat dan persaingan adil dalam semua pasaran yang kita sertai. Undang-undang antipakat dan persaingan adil berbeza di setiap negara, tetapi semuanya diatur untuk menghalang pesaing mengadakan perjanjian yang menyekat, mengehadkan atau mengubah persaingan secara bebas.

Semua ahli pasukan Terex dan pihak ketiga yang bertindak bagi pihak Terex mestilah mengikut undang-undang ini secara ketat, menurut maksudnya yang tersurat dan yang tersirat. Ini bermaksud bahawa ahli pasukan Terex dilarang:

- Bekerjasama dengan pesaing untuk menetapkan harga ataupun untuk mengagih-agihkan pasaran atau pelanggan, dan



- Menentukan, mengarahkan atau mengawal harga jualan semula yang ditetapkan oleh pengedar Terex ataupun oleh pelanggan-pelanggan lain.

Jika ahli pasukan lebih berkemungkinan akan berinteraksi dengan pesaing, misalnya semasa pertunjukan dagang, konvensyen, mesyuarat persatuan dagang atau acara seindustri yang lain, penting dielakkan walaupun keadaan yang cuma membayangkan sahaja sesuatu yang tidak patut. Perbuatan atau perbuatan yang tidak berniat buruk pun boleh disalah anggap.

Perbuatan melanggar undang-undang antipakat dan



Uji Diri

Pengedar menukar tahun pengilangan pada plat siri Terex kerana hendak menipu pelanggan bahawa mereka membeli model terbaharu. Adakah ini urusan kita memandangkan pengedar yang menukarnya, bukan Terex?



“Apabila memberikan atau menerima hadiah, ikuti nilai-nilai murni Cara Terex dan peraturan Syarikat kita.”

persaingan adil boleh menyebabkan pendakwaan jenayah dan juga denda yang besar. Jika anda musykil tentang sesuatu atau anda mahukan maklumat tambahan, hubungi **Jabatan Undang-undang Terex**.

Transaksi dan Hubungan Dengan Pembekal

Kita memilih pembekal kita secara objektif, berdasarkan kriteria seperti keselamatan, kualiti, penghantaran, jumlah kos perkhidmatan dan reputasi. Hubungan kita dengan pembekal didasarkan pada prinsip-prinsip keadilan dan saling hormat. Kita menjalankan perniagaan secara tulus dan hanya dengan pembekal yang sama-sama mendukung piawaian tataniaga kita yang tinggi. Pembekal kita dikehendaki menunjukkan komitmen yang teguh terhadap kesihatan dan keselamatan pekerja mereka, beroperasi selaras dengan undang-undang hak

asasi manusia dan mematuhi **Tatakelakuan Pembekal Terex**.

Penghargaan Rasmi – Hadiah, Jamuan Makan, Hiburan, Tambang Perjalanan dan Penginapan

Ada kalanya, apabila hendak membina hubungan perniagaan atau melahirkan penghargaan, kita mungkin akan memberikan ataupun menerima keraian atau hadiah rasmi. Dalam situasi begini, peraturannya penting difahami, dan kita mesti mengelakkan walaupun bayangan sahaja bahawa berlakunya perbuatan yang salah dengan pelanggan, pembekal atau sesiapa sahaja yang menjalankan perniagaan dengan kita. Penghargaan rasmi ditakrifkan secara umumnya sebagai merangkumi tetapi tidak terbatas kepada hadiah, jamuan makan, tambang perjalanan, penginapan dan hiburan. **Dasar Hadiah dan**

Keraian Terex Corporation merangkumi semua ahli pasukan Terex dan menyatakan syarat-syarat kelulusan bagi amalan memberikan atau menerima penghargaan rasmi.

Bagi anggota Lembaga Pengarah Terex Corporation, bahagian ini merangkumi hadiah, jamuan makan, hiburan, tambang perjalanan atau penginapan yang diterima atau disediakan sehubungan dengan perkhidmatan mereka bagi pihak Terex.

Peraturan khusus dikenakan apabila menghulurkan penghargaan rasmi kepada Pegawai Awam. Peraturan ini terhasil melalui undang-undang pelbagai negara seluruh dunia yang melarang rasuah kepada Pegawai Awam. Istilah "Pegawai Awam" secara umumnya ditakrifkan sebagai merangkumi tetapi tidak terbatas kepada orang yang bekerja untuk kerajaan, tentera atau parti politik; pekerja entiti yang dimiliki atau yang dikawal oleh kerajaan; atau ahli keluarga diraja. Penghargaan rasmi yang dihulurkan atau diterima daripada Pegawai Awam, walaupun itu sebahagian daripada aturan perdagangan berkontrak, mestilah diluluskan secara bertulis dahulu oleh salah seorang anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex**. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, rujuk **Peraturan Terex Corporation mengenai Berian Rasmi kepada Pegawai Awam**.

Peraturan khas juga dikenakan terhadap penghargaan rasmi untuk pelanggan dari China kerana banyak antara mereka adalah entiti yang dimiliki atau dikawal oleh kerajaan. Ahli pasukan, di mana jua mereka berada, mesti mematuhi **Dasar Penghargaan Rasmi Terex Corporation bagi Pelanggan Kerajaan dan Swasta dari China**.

Jika anda ingin bertanya ataupun mahukan maklumat selanjutnya tentang peraturan memberikan atau menerima penghargaan rasmi, rujuk **Dasar Hadiah dan Keraian Terex Corporation** atau hubungi mana-mana anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex**.

INGATLAH APA YANG DIBENARKAN DAN YANG TIDAK DIBENARKAN INI:

Berian Rasmi Yang Dibenarkan

- ✓ Ambil atau hulurkan berian rasmi hanya jika berian itu mematuhi Tataetika dan Tatakelakuan ini, undang-undang dan dasar-dasar Terex yang lain.
- ✓ Penghargaan rasmi mestilah bersesuaian dengan keadaan.
- ✓ Gunalah pertimbangan yang baik apabila penghargaan rasmi melibatkan hiburan.
- ✓ Tanya sama ada pegawai awam terlibat sebelum melakukannya.
- ✓ Ahli pasukan yang bertugas memperoleh barangan atau perkhidmatan hendaklah lebih berwaspada apabila menerima penghargaan rasmi supaya tidak kelihatan seolah-olah tidak berpatutan.

Berian Rasmi Yang Tidak Dibenarkan

- ✗ Jangan hulurkan dan jangan ambil wang tunai, kesetaraan tunai (misalnya kad hadiah American Express®, Visa® atau MasterCard®, sijil hadiah atau kad beli-belah) atau barang lain yang mudah sahaja ditukarkan kepada wang tunai.
- ✗ Jangan hulurkan dan jangan ambil penghargaan rasmi yang mewah atau berlebih-lebihan.
- ✗ Jangan sediakan, terima atau sertai hiburan yang tidak senonoh, berunsur seks atau boleh mencemarkan reputasi Terex dengan cara yang lain.
- ✗ Jangan minta penghargaan rasmi daripada pembekal.
- ✗ Jangan terima berian rasmi yang akan mempengaruhi, ataupun menimbulkan bayangan bahawa berian itu akan mempengaruhi, keputusan atau pertimbangan perniagaan anda.



Senarai Semakan Hadiah dan Keraian

Anda sedang berfikir hendak menghulurkan hadiah kepada pelanggan atau meraikan pelanggan?

- ✓ Jika hadiah atau keraian itu perlu diluluskan menurut **Dasar Hadiah dan Keraian Terex Corporation** atau dasar-dasar Terex yang lain, sudahkah anda mendapatkan kelulusan itu?
- ✓ Adakah hadiah atau keraian yang hendak anda tawarkan itu setimpal dengan jawatan pelanggan anda di syarikatnya?
- ✓ Adakah hadiah atau keraian itu akan dipandang sebagai tanda penghargaan dan bukannya sogokan?
- ✓ Adakah hadiah atau keraian itu akan diberikan secara terang-terang dan terbuka?

Jika anda menjawab "Tidak" bagi mana-mana soalan tadi, ini bermakna hadiah atau keraian anda itu mungkin tidak berpatutan. Hubungi pengurus anda, **Penganjur Tataniaga** bagi tempat anda atau mana-mana anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex** untuk mendapatkan bantuan tambahan.

Dilarang Merasuah

Terex ingin menjadi ketua yang beretika dan enggan menggunakan sogokan atau perbuatan merasuah yang lain demi manfaat perniagaan kita. Kita patuhi semua undang-undang cegah rasuah yang dikenakan. Syarikat dan pekerjaannya yang menyertai aktiviti yang berkait dengan rasuah dan sogokan mendedahkan diri mereka kepada risiko pendakwaan jenayah dan denda kewangan yang besar. Selain risiko ini, merasuah akan merosakkan reputasi kita dan memburukkan perniagaan kita. Orang



Kita mematuhi semua undang-undang yang melarang sogokan dan perbuatan rasuah yang lain. Terex tidak akan membiarkan sahaja rasuah perniagaan ataupun awam.

yang mengambil bayaran sumbang akan ditimpa padah yang selalunya lebih besar. Di Terex, kita berpegang pada kepercayaan bahawa perbuatan yang betul akan memberi kita kelebihan dari segi persaingan, dan keuntungan jangka pendek yang diperoleh melalui rasuah tidak berbaloi dengan kesan jangka panjang terhadap reputasi kita dan perniagaan kita.

Terex tidak akan memaafkan, dalam apa jua keadaan, perbuatan menghulurkan, membenarkan atau mengambil rasuah, sogokan, bayaran pelicin atau bayaran sumbang yang lain bagi tujuan mendapatkan atau mengekalkan urusan janji untuk Terex ataupun atas apa-apa sebab lain yang berkait dengan perniagaan kita. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci, rujuk **Dasar Pencegahan Rasuah Global Terex Corporation**.

Janganlah sekali-kali anda ambil, berikan atau janjikan apa-apa yang boleh disalah anggap sebagai niat untuk mempengaruhi sesuatu transaksi komersial atau kerajaan dengan cara yang tidak berpatutan. Anda dilarang menggunakan pihak ketiga untuk melakukan sesuatu yang tidak boleh dilakukan oleh Terex sendiri.

Apabila pihak ketiga, seperti ejen, peniaga, pengedar, penjual semula, broker atau penghantar barang, menjalankan urus niaga Terex di tempat perniagaan, liabiliti mungkin akan tertanggung oleh Terex akibat tindakan yang diambil oleh pihak ketiga ini. Perisikn tentang pemilik dan reputasi pihak ketiga mesti dilakukan dan diselesaikan menurut **Proses Penelitian Reputasi Terex** dahulu, barulah sesebuah syarikat Terex boleh menjalankan, meluaskan atau meminda hubungan perniagaan yang baharu dengan ejen, pengedar atau orang tengah yang lain. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang Proses Penelitian Reputasi yang diikuti di Terex, rujuk **Peraturan Terex Corporation Tentang Urusan dengan Pihak Ketiga**.

Jika rasuah, sogokan atau bayaran sumbang lain diminta daripada anda ataupun ditawarkan kepada anda, maka anda dikehendaki serta-merta hubungi pengurus anda dan mana-mana anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex**, atau mana-mana penguam di **Jabatan Undang-undang Terex**.

Dilarang Mengubah Wang Haram

Terex menjalankan perniagaan hanya melalui aktiviti komersial yang sah, menggunakan wang yang diperoleh daripada sumber yang sah. Terex komited terhadap usaha menentang pengubahan wang haram di negara-negara tempat kita menjalankan perniagaan.

Pengubahan wang haram berlaku apabila penjenayah, pengganas, pengedar dadah atau senjata haram, atau pihak-pihak lain menyembunyikan pergerakan sumber wang yang haram menerusi sistem-sistem kewangan.



Uji Diri

Tapak kerja kita memerlukan permit daripada kerajaan tempatan. Kerani di pejabat kerajaan tempatan memberitahu saya bahawa masa tiga bulan diperlukan untuk mendapatkan permit tersebut tetapi dengan sedikit bayaran khidmat, kita akan mendapat permit itu dalam masa seminggu. Patutkah saya membayarnya?

Pengubahan wang haram boleh melibatkan satu ataupun beberapa transaksi yang setelah selesai nanti, akan nampak sah. Antara contoh transaksi yang mencurigakan ialah bayaran luar pesisir, bayaran menggunakan mata wang yang tidak berkaitan, bayaran tunai, permintaan untuk membuat bayaran lebih, ataupun bayaran kepada atau daripada pihak yang tidak berkaitan ataupun berbilang sumber.

Jika anda mengesyaki atau diminta menyertai transaksi yang mencurigakan, hubungi pengurus anda, ketua kewangan bagi tempat anda atau mana-mana anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex** sebelum meneruskannya. Sesiapa sahaja yang terlibat mengubah wang haram tidak hanya merosakkan reputasi Syarikat tetapi juga menyalahi undang-undang, dengan itu menyebabkan dirinya dan juga Terex tertakluk kepada hukuman sivil dan jenayah.

Terex komited terhadap usaha menentang pengubahan wang haram di negara-negara tempat kita menjalankan perniagaan.

Kawalan Eksport, Larangan Perdagangan dan Sekatan Ekonomi

Beroperasi secara adil dan berintegriti bermaksud kita juga mematuhi semua undang-undang kawalan eksport dan larangan perdagangan yang dikenakan. Undang-undang kawalan eksport dan larangan boleh:

- Menghalang eksport (dan eksport semula) ke negara, orang dan/atau entiti lain yang tertentu;
- Menghalang import dari, atau urusan dengan, pihak yang berasal dari negara-negara yang tertentu;
- Melarang eksport (dan eksport semula) barangan atau perkhidmatan, terutamanya yang khususnya direka atau diubahsuai untuk kegunaan ketenteraan, ke negara-negara yang tertentu; dan/atau




- Menghalang eksport (dan eksport semula) jika penggunaan akhirnya melibatkan senjata kimia atau biologi, alat nuklear, ataupun perekaan bentuk, pembangunan, pembinaan, pengendalian atau penyelenggaraan pusat nuklear, reaktor nuklear atau aktiviti nuklear yang lain, ataupun pertambahan apa-apa jenis senjata pemusnah besar-besaran atau sistem penghantaran senjata pemusnah besar-besaran (misalnya, peluru berpandu yang tertentu, roket, kenderaan udara tanpa juruterbang).

Semua perniagaan Terex dan ahli pasukan Terex seluruh dunia mesti mematuhi **Dasar Kawalan Eksport dan Sekatan Perdagangan Terex Corporation**. Ingatlah bahawa undang-undang kawalan eksport Amerika Syarikat mengenakan larangan yang tertentu terhadap warganegara Amerika Syarikat dan pemastautin tetap Amerika Syarikat, tanpa mengira dari negara mana mereka bekerja. Undang-

Undang-undang kawalan eksport tidak hanya merangkumi penghantaran kelengkapan atau alat ganti dari sesebuah negara ke negara lain. Undang-undang ini juga merangkumi:

- Pindahan teknologi (termasuklah gambar);
- Kerja waranti dan servis;
- Transaksi dan aktiviti antara syarikat;
- Perjalanan antarabangsa (rasmi dan peribadi);
- Lawatan ke kilang oleh orang dari negara lain;
- Transaksi kewangan; dan
- Aktiviti-aktiviti lain yang melintasi sempadan antarabangsa (manual, hadiah dan sebagainya).



undang dan peraturan kawalan eksport Amerika Syarikat juga mungkin dikenakan terhadap transaksi yang dijalankan oleh anak syarikat Terex yang bukan di Amerika Syarikat dan syarikat usaha sama yang dimiliki atau dikawal bahagian majoritinya oleh Terex.

Terex mengeksport dari banyak negara lain yang menggunakan undang-undang kawalan eksportnya sendiri. Ahli pasukan yang terlibat dengan mana-mana aspek mengeksport dikehendaki mengetahui dan mengikuti undang-undang setiap negara yang berkenaan selain Tataetika dan Tatakelakuan ini. Rujuk **Profil Negara Kawalan Eksport dan Larangan Perdagangan** bagi negara yang berkenaan dengan anda.

Larangan perdagangan boleh juga merangkumi pemulauan. Pemulauan ialah keengganan berurus niaga dengan orang atau perniagaan yang tertentu, selalunya disebabkan lokasinya, sebagai cara membantah atau memaksa. Undang-undang Amerika Syarikat mengawal cara syarikat di Amerika Syarikat, anak-anak syarikatnya dan syarikat usaha sama yang dimiliki atau

dikawal bahagian majoritinya, mesti bertindak terhadap pemulauan yang melibatkan negara-negara lain. Secara amnya, undang-undang ini melarang kerjasama dengan pemulauan antarabangsa yang tidak disetujui oleh kerajaan Amerika Syarikat (misalnya pemulauan Arab-Israel) dan mewajibkan anda melaporkan kepada kerajaan Amerika Syarikat sebarang permintaan yang diterima untuk menyertai aktiviti pemulauan. Permintaan untuk menyertai pemulauan mungkin tersirat di dalam kontrak, syarat-syarat dan surat kredit. Ahli pasukan Terex mesti melaporkan semua permintaan untuk menyertai sesuatu pemulauan antarabangsa kepada **Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan Terex** dan dilarang menyertai pemulauan antarabangsa tanpa mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan Terex ataupun Ketua Peguam Terex.

Senarai negara, orang dan entiti yang dikenakan sekatan ekonomi ataupun yang memerlukan lesen eksport berubah dari semasa ke semasa. Pelanggaran undang-undang kawalan eksport, larangan perdagangan dan sekatan ekonomi adalah serius dan boleh menyebabkan



Uji Diri

Ahli pasukan manakah yang tertakluk kepada undang-undang kawalan eksport dan larangan perdagangan, serta dasar Terex yang berkait dengannya?

pendakwaan jenayah dan juga denda yang besar. Undang-undang juga melarang ahli pasukan menggunakan khidmat pihak ketiga, misalnya pengedar, ejen atau penghantar barang, untuk menyelesaikan transaksi bagi pihak Terex, jika perbuatan itu melanggar undang-undang, larangan atau sekatan ini.

Jika anda kurang pasti tentang sesuatu transaksi ataupun ingin bertanya tentang undang-undang kawalan eksport, larangan perdagangan dan sekatan ekonomi mana yang berkenaan, baca **ruangan Kawalan Eksport dan Pematuhan Perdagangan** pada **Intranet Global Terex**. Jika anda masih kurang pasti, jangan teruskan transaksi itu. Hubungi mana-mana anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex** dengan segera.

CARA TEREX

Dengan Syarikat Kita dan Dengan Pemegang Saham Kita

Kita tidak akan mengorbankan integriti semata-mata untuk mendapatkan keuntungan di Syarikat kita walau dalam apa jua keadaan. Kita tidak akan bertoleh apabila menghadapi situasi yang mencurigakan. Bahagian Tataetika dan Tatakelakuan ini yang berikutnya, iaitu *Cara Terex Dengan Syarikat Kita dan Dengan Pemegang Saham Kita*, menggariskan apa yang dikehendaki daripada ahli pasukan dalam usaha kita menjadi syarikat yang paling beruntung dalam industri ini mengikut ukuran ROIC (Pulangan Daripada Modal Yang Dilaburkan), tanpa mengabaikan nilai-nilai murni Cara Terex kita.

Perakaunan, Pelaporan Kewangan dan Kawalan Dalam

Terex dikehendaki mengemukakan laporan kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa ("SEC") Amerika Syarikat dan kepada pelbagai agensi kerajaan yang lain di seluruh dunia, yang mengandungi maklumat mengenai Syarikat, perniagaan kita dan pencapaian kewangan kita. Pemegang



saham dan bakal pelabur kita juga bergantung pada laporan kita ini. Untuk memastikan ketepatan rekod ini, kita bergantung pada sistem **dasar perakaunan, kawalan dalaman** dan **prosedur pendedahan**.

Kita juga berkomitmen mencatatkan dan melaporkan maklumat perniagaan dengan jujur dan tepat, dan kita tidak akan menyalahnyatakan atau menyembunyikan fakta. Semua akaun dan rekod kewangan Terex mestilah mencerminkan aset, liabiliti, hasil pendapatan, kos dan belanja Syarikat menurut Prinsip Perakaunan Yang Diterima Umum ("GAAP") Amerika Syarikat, dasar Terex serta undang-undang dan peraturan tempatan. Selaras dengan tanggungjawab kita menyediakan laporan kewangan di Amerika Syarikat dan juga di negara-negara lain, ahli pasukan mestilah:

- Memastikan bahawa maklumat adalah tepat, lengkap dan menepati masa;
- Mendedahkan, melaporkan dan mencatatkan semua dana Syarikat dengan segera dan betul;
- Tidak mewujudkan ataupun cuba mewujudkan rekod yang palsu atau mengelirukan;
- Memastikan semua bayaran ataupun pindahan dana atau aset diluluskan, diambil kira dengan betul dan dinyatakan dengan jelas di dalam akaun Syarikat; dan
- Menggunakan dana atau aset Syarikat hanya untuk membuat bayaran atau pindahan yang dinyatakan di dalam dokumen sokongan.

Ahli pasukan juga mungkin dikehendaki segera mendedahkan maklumat yang dikehendaki untuk menilai kesaksamaan pembentangan kewangan Syarikat, kekukuhan keadaan kewangannya dan kesahihan operasinya.


Selain tindakan tatatertib, melanggar prinsip-prinsip ini boleh mengakibatkan pesalah dikenakan liabiliti sivil dan jenayah yang berat. Jika anda mendapat tahu atau mengesyaki berlakunya transaksi, amalan perakaunan, pelaporan kewangan, atau pendedahan awam yang tidak tepat, tidak berpatutan atau dipalsukan, maka anda



Uji Diri

Kami ada bertong-tong besi buruk yang dikutip daripada kelengkapan pelanggan yang kami baik. Oleh sebab pelanggan kami tidak mahukan besi buruk itu, kami telah memanggil peniaga besi buruk untuk membelinya. Besi buruk itu tidak dicatatkan ke dalam akaun kami, maka milik siapakah wang yang diterima daripada peniaga besi buruk itu?

Syarikat dengan sukarelanya menahan dan mengirinkan cukai pendapatan ahli pasukan kepada Kerajaan China. Setiap tahun, Kerajaan China mengeluarkan rebat sebagai bayaran muhibah kerana mengirinkan cukai pendapatan itu. Rebate ini dibayar atas perkhidmatan yang disediakan oleh Syarikat kepada Kerajaan China, dan bukannya bagi cukai yang dikirinkan. Rebate Kerajaan itu boleh dikeluarkan terus kepada seorang eksekutif Syarikat ataupun kepada Syarikat. Milik siapakah rebate itu?



dikehendaki melaporkannya dengan segera kepada pengurus anda, pengurus besar/ketua tapak, ketua kewangan, **Ketua Pegawai Perakaunan Terex, Ketua Pegawai Kewangan Terex**, mana-mana anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex**, mana-mana anggota **pasukan Kewangan Terex**, mana-mana peguam di **Jabatan Undang-undang Terex**, salah seorang anggota Jawatankuasa Audit **Lembaga Pengarah Terex Corporation** ataupun melalui **Talian Bantuan Terex**.

Kerjasama Dengan Penyelidikan, Penyiasatan dan Audit, Dalam dan Luar

Kita memberikan kerjasama dan tidak menyembunyikan maklumat semasa penyelidikan, penyiasatan atau audit dijalankan sama ada secara dalaman ataupun oleh pihak luar, termasuklah yang dijalankan oleh pengawal atur ataupun juruaudit. Ahli pasukan dikehendaki memberikan kerjasama sepenuhnya dan tidak sekali-kali mengganggu atau cuba mempengaruhi sesuatu penyelidikan, penyiasatan atau audit dengan cara yang tidak patut.

Penipuan dan Salah Nyata

Penipuan melibatkan perbuatan memperdaya atau menyalahnyatakan maklumat dengan sengaja. Melibatkan diri dengan apa-apa bentuk perbuatan menipu di Terex tidak akan diterima sama sekali.

Hentikan penipuan dengan cara melaporkannya dengan segera kepada pihak pengurusan.

Kebanyakan kejadian menipu boleh dielakkan jika sistem dan kawalan yang disediakan diikuti dengan cermat. Sistem dan kawalan ini direka supaya tiada sesiapa pun akan mendapat kawalan sepenuhnya terhadap wang, bekalan atau rekod. Jika anda mendapat tahu tentang sesuatu penipuan yang mungkin boleh berlaku, jangan cuba sorokkan. Cara yang paling cepat untuk menghentikan penipuan adalah dengan melaporkannya dengan segera kepada pengurus anda, pengurus besar/ketua tapak, ketua kewangan, **Ketua Pegawai Perakaunan** atau **Ketua Pegawai Kewangan Terex**, mana-mana anggota pasukan **Perakaunan Korporat Terex**, mana-mana anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex**, mana-mana peguam di **Jabatan Undang-undang Terex**, ataupun melalui **Talian Bantuan Terex**.

Penyimpanan Rekod

Kita komited untuk merekodkan dan melaporkan maklumat perniagaan dengan jujur, betul dan tepat pada masanya. Penting kita wujudkan dan selenggarakan rekod perniagaan yang tepat, asli, boleh dipercayai, lengkap, mudah diambil dan boleh difahami.

Rekod-rekod Syarikat hanya boleh dilupuskan setelah rekod itu menepati semua syarat penyimpanan yang dikenakan. Kegagalan menyimpan ataupun melupuskan rekod Syarikat dengan betul boleh membawa akibat yang serius bagi anda dan juga bagi Syarikat. Maklumat tambahan tentang penyimpanan dokumen boleh didapati di dalam **Dasar Pengurusan Kitaran Hidup Maklumat Terex Corporation**.



Uji Diri

Pengedar kami telah memohon bayaran ganti pemasaran. Saya meminta pengedar itu hantar dokumentasi bertulis untuk menyokong permohonan bayaran gantinya dan dia menghantarkan invoice yang berikut kepada saya.

Invoice

Dibillkan Kepada	Nombor Invoice
Terex Corporation 45 Glover Avenue Norwalk, CT 06850	0000000

Keterangan

Bayaran ganti pemasaran kerana menyertai pertunjukan dagang tempatan	Amaan €10000
--	------------------------

Biasanya, belanja pertunjukan dagang berjumlah **€5000**. Sungguhpun permintaan ini nampaknya lebih tinggi daripada biasa, patutkah saya luluskan bayaran ganti ini? Saya bersimpati dengan pengedar ini kerana suatu urusan janji terlepas daripada genggamannya baru-baru ini setelah dia banyak melaburkan masa dan belanja.

INI KONFLIK KEPENTINGAN



Pada luar waktu kerja, anda bekerja dengan pembekal, pesaing atau pelanggan kita.



Ahli keluarga anda bekerja dengan, atau memiliki, syarikat pembekal, pesaing atau pelanggan kita.



Anda dinaikkan pangkat dan kini anda penyelia terdekat kepada ahli keluarga atau pasangan hidup anda.

KONFLIK TIDAK SEMESTINYA BERMASALAH.

DEDAHKAN KONFLIK KEPENTINGAN ITU SUPAYA TEREX BOLEH MENGURUSKANNYA.

Konflik Kepentingan

Semua ahli pasukan dikehendaki bertindak demi kepentingan Terex pada setiap masa dan berawas akan konflik kepentingan yang boleh berlaku. Konflik kepentingan berlaku apabila kepentingan diri kita bercanggah dengan kepentingan Syarikat dengan apa cara sekalipun.

Konflik sebenar, dan juga bayangan seolah-olah berlaku konflik, mesti dielakkan. Konflik kepentingan boleh berbentuk transaksi ataupun peribadi.

Konflik kepentingan transaksi berlaku apabila kepentingan kewangan atau komersial ahli pasukan bercanggah dengan kepentingan Syarikat kita.

Antara contoh konflik kepentingan transaksi ialah:

- Memiliki kepentingan kewangan peribadi dalam syarikat pembekal, pelanggan, pesaing atau pengedar;
- Ahli keluarga yang rapat atau sesiapa sahaja yang anda anggap sebagai ahli keluarga (contohnya suami, isteri, pasangan hidup, tunang, ibu, bapa, adik-beradik, anak, mertua, ipar atau menantu) bekerja dengan atau memiliki kepentingan kewangan dalam syarikat pembekal, pelanggan, pesaing atau pengedar;
- Menerima sebarang bentuk imbuhan daripada syarikat pembekal, pelanggan, pesaing atau pengedar; atau

- Memiliki kepentingan atau mungkin boleh mendapat keuntungan peribadi dalam transaksi Syarikat.

Selain itu, harta benda dan maklumat sulit Terex, atau jawatan anda di Terex, tidak boleh sekali-kali digunakan demi keuntungan peribadi, dan anda tidak dibenarkan mendapat keuntungan peribadi melalui peluang perniagaan yang ditemui disebabkan pekerjaan anda di Terex.

Konflik kepentingan berlaku apabila kepentingan diri kita bercanggah dengan kepentingan Syarikat dengan apa cara sekalipun.

Ahli pasukan Terex dikehendaki membaktikan seluruh waktu kerja dan perhatian mereka terhadap tugas mereka untuk Terex. Kegiatan perniagaan atau pelaburan luar dibenarkan hanya jika ahli pasukan tidak akan bekerjasama dengan atau menjadi pesaing, pelanggan atau penjual Terex. Kegiatan perniagaan luar seperti ini boleh dijalankan pada luar waktu kerja sahaja dan tidak boleh mengganggu pelaksanaan kerja yang memuaskan oleh ahli pasukan itu.

Konflik kepentingan peribadi berlaku apabila hubungan peribadi di tempat kerja bercanggah dengan kepentingan Syarikat kita. Kami galakkan ahli-ahli keluarga agar



Uji Diri

Saya bertugas mencari sumber komponen hidraulik dan pneumatik di Terex. Kami sedang mengkaji semula pembekal yang ada sekarang dan yang boleh diambil sebagai pengganti. Kakak saya bekerja sebagai jurujual bagi sebuah syarikat pembekal alat hidraulik yang terkemuka. Saya tahu harganya tentu kompetitif dan syarikatnya terkenal sebagai pembekal produk yang bermutu tinggi. Bolehkah saya perkenalkan syarikat kakak saya sebagai bakal pembekal bagi Terex?

bekerja di Terex kerana ini menunjukkan bahawa Terex ialah tempat kerja yang terbaik dan paling selamat. Walau bagaimanapun, kita mesti mematuhi peraturan yang tertentu dalam keadaan begini.

Untuk mengelakkan konflik kepentingan peribadi atau bayangannya sahaja, kami tidak akan mengambil pekerja baharu, terus menggunakan khidmat, menaikkan pangkat atau memindahkan ahli pasukan kepada sesuatu jawatan jika hubungannya dengan ahli pasukan lain:

- Yang merupakan ahli keluarganya atau pasangan hidupnya akan menjadi hubungan terdekat antara penyelia dengan pekerja bawahan;
- Boleh meninggalkan kesan yang buruk terhadap prestasi kerja, keselamatan, pengawalan atau semangat; atau
- Melibatkan konflik kepentingan yang telah berlaku ataupun yang mungkin boleh berlaku, ataupun menimbulkan bayangan seolah-olah berlaku konflik kepentingan.

Jika berlaku perubahan pada hubungan peribadi ahli pasukan yang telah menimbulkan atau yang mungkin boleh menimbulkan konflik kepentingan, maka Syarikat akan mengambil usaha yang berpatutan untuk mengurangkan masalah penyeliaan, keselamatan, pengawalan atau semangat melalui pertukaran tugas, lokasi atau jabatan.

Yang penting apabila menanggapi konflik kepentingan ialah pendedahan sepenuhnya. Jika anda sedang atau mungkin akan berhadapan dengan konflik kepentingan, hubungi wakil Sumber Manusia bagi tempat anda, mana-mana anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex** ataupun mana-mana peguam di **Jabatan Undang-undang Terex**.



Maklumat Orang Dalam dan Mendagangkan Saham Terex

Sebagai syarikat awam yang tersenarai pada Bursa Saham New York, Terex dikawal oleh undang-undang sekuriti Amerika Syarikat, yang mesti dipatuhi oleh semua ahli pasukan Terex seluruh dunia, khususnya apabila mengendalikan maklumat orang dalam dan mendagangkan saham Terex.


Maklumat orang dalam ialah maklumat yang belum lagi diketahui umum dan yang akan dianggap penting oleh pelabur yang waras apabila membuat keputusan tentang pelaburannya. Maklumat ini boleh merangkumi data kewangan, maklumat tentang produk, rancangan

Jual beli saham korporat berdasarkan maklumat yang belum diketahui umum, tetapi yang boleh anda dapatkan selaku "orang dalam" ialah perbuatan yang menyalahi undang-undang.



Uji Diri

Saya terdengar bahawa kita mungkin akan memperoleh sebuah syarikat. Saya tidak sabar menantikannya kerana saya rasa pemerolehan ini akan membawa nilai yang amat besar kepada Terex. Oleh sebab tiada sesiapa pun yang telah memberitahu saya secara "rasmi", bolehkah saya beritahu ahli keluarga saya mengenai pemerolehan ini supaya mereka boleh membuat keputusan sama ada untuk membeli saham Terex ataupun tidak?



pemasaran, rundingan mengenai pemerolehan syarikat lain atau pelaburan yang hendak dihentikan, atau maklumat lain tentang Syarikat, produk, perkhidmatan atau pelanggan kita, yang tidak diketahui umum. Maklumat orang dalam mestilah dirahsiakan dengan ketat kecuali apabila kita dibenarkan mendedahkannya ataupun diwajibkan mendedahkannya oleh undang-undang, misalnya di dalam laporan yang kita kemukakan kepada SEC, pendedahan yang diwajibkan oleh peraturan dan komunikasi awam lain yang dibenarkan.

Transaksi menggunakan sekuriti Terex, ataupun sekuriti syarikat lain yang bekerja dengan Terex, tidak boleh dibuat dalam keadaan yang mungkin melibatkan, ataupun yang mungkin seolah-olah melibatkan, maklumat orang dalam. Undang-undang yang mengawal perdagangan orang dalam merangkumi semua ahli pasukan seluruh dunia, biar di mana pun mereka tinggal atau bekerja, dan juga suami, isteri, anak dan saudara lain kepada ahli pasukan, dan sesiapa sahaja yang anda anggap sebagai ahli keluarga.

Anda harus lebih berhati-hati agar tidak mendagangkan sekuriti Terex sejeurus sebelum dan sejeurus selepas Terex mengumumkan maklumat penting, seperti hasil pencapaian kewangan setiap suku tahun dan pada penghujung tahun. Sebagai peraturan am, ahli pasukan Terex tidak boleh berdagang sehingga sekurang-kurangnya 24 jam telah berlalu sejak maklumat itu disiarkan. Penjualan singkat dan perdagangan sekuriti Terex atas dasar spekulatif tidak dibenarkan.

Jika anda kurang pasti, baca **Dasar Perdagangan Orang Dalam Terex** sebelum bertindak. Anda juga boleh menghubungi mana-mana peguam di **Jabatan Undang-undang Terex**.

Melindungi Aset Syarikat

Kita semua bertanggungjawab menjaga dan melindungi aset Syarikat, termasuklah maklumat ketara dan berempunya, supaya tidak hilang, dicuri, rosak, terbazir atau disalahgunakan. Aset ketara Syarikat merangkumi wang tunai dan aset kewangan yang lain, kilang, kelengkapan dan bekalan. Maklumat berempunya

merangkumi harta intelektual (contohnya rahsia perdagangan, rekaan, paten, tanda dagang, hak cipta), maklumat perniagaan yang sulit (contohnya rancangan perniagaan, model peletakan harga, reka bentuk, maklumat kewangan yang belum disiarkan, senarai pelanggan, senarai bahan, senarai penjual dan invois).

Ahli pasukan Terex dikehendaki sentiasa mengendalikan semua aset Syarikat dengan cermat dan hormat, dan melindunginya supaya tidak terbazir, dicuri, rosak atau disalahgunakan. Mana-mana situasi atau kejadian yang boleh mengakibatkan kecurian, kehilangan, salah guna atau pembaziran aset Syarikat hendaklah serta-merta dilaporkan kepada mana-mana anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex**, mana-mana anggota **pasukan Perakaunan Korporat**, atau mana-mana peguam di **Jabatan Undang-undang Terex**.

Melindungi maklumat sulit Terex sangat penting bagi kedudukan kita dari segi persaingan.

Melindungi Hak terhadap Harta intelektual

Hak terhadap harta intelektual sangat penting untuk melindungi pelaburan yang dibuat oleh Terex dan juga yang dibuat oleh syarikat lain dan orang lain ke dalam usaha menghasilkan produk dan idea baharu. Harta intelektual kita yang tidak dilindungi boleh diambil oleh syarikat-syarikat lain yang tidak melabur dengan banyak seperti Terex untuk menghasilkan harta intelektual kita itu. Jika anda ingin bertanya tentang harta intelektual, hak cipta, tanda dagang, paten atau maklumat berempunya lain yang sulit milik Terex, hubungi mana-mana peguam di **Jabatan Undang-undang Terex**.

Melindungi Maklumat Perniagaan Yang Sulit

Semasa menjalankan tugas, anda mungkin didedahkan kepada maklumat sulit mengenai Terex ataupun mengenai syarikat-syarikat lain. Melindungi maklumat sulit milik Terex sangat penting kerana ini memberi kita kelebihan dari segi persaingan. Kita tidak menyerahkan maklumat

sulit kita kepada pihak ketiga kecuali mereka perlu mengetahuinya atas sebab yang menyokong perniagaan kita dan kita adakan sekatan terhadap pendedahannya dan penggunaannya (contohnya, melalui perjanjian yang melarang pendedahannya atau petunjuk kerahsiaan). Kita juga mesti menghormati hak orang lain terhadap harta intelektual mereka.

Semua ahli pasukan mesti memikul sendiri tanggungjawab melindungi maklumat berempunya milik Syarikat dan juga milik pihak ketiga, supaya tidak didedahkan tanpa izin, diubah, hilang, disalahgunakan atau digelapkan. Ahli pasukan dikehendaki mengambil langkah tambahan yang berikut untuk melindungi maklumat berempunya:

- 1 **Hadkan laluan masuk** kepada orang atau pihak yang mendapat kebenaran sahaja.
- 2 **Maklumkan dengan segera kepada Jabatan Sumber Manusia**, mana-mana anggota barisan pengurusan, Pegawai Perlindungan Data Syarikat



atau gunakan **Talian Bantuan Terex** jika anda tersalah menerima maklumat sulit.

- 3 **Simpan maklumat berempunya** pada sistem yang dikawal oleh Terex atau sistem pihak ketiga yang dibenarkan sahaja.
- 4 **Dapatkan kelulusan** Jabatan Teknologi Maklumat Terex (rujuk Dasar Pemasangan Perisian) dahulu sebelum menggunakan sistem/aplikasi cloud.
- 5 **Sulitkan maklumat berempunya** sebelum menghantarnya ke luar Terex, menyimpannya di dalam alat mudah alih (misalnya komputer riba, tablet dan telefon pintar), atau menyimpannya di dalam media yang boleh diceraikan (misalnya pemacu USB, CD atau DVD). Alat mudah alih dan media yang boleh diceraikan mesti dikeluarkan atau diluluskan penggunaannya oleh Jabatan Teknologi Maklumat Terex.
- 6 **Anda perlu lebih berhati-hati apabila menggunakan media sosial** (misalnya Facebook, Twitter, WeChat, Instagram, Snapchat, Tiktok atau LinkedIn), telefon, e-mel, atau kaedah elektronik yang lain untuk menyimpan dan menghantar maklumat.
- 7 **Jangan bincangkan** maklumat berempunya di tempat-tempat awam yang boleh didengari perbualan itu oleh orang lain.

Ketahui bahawa seandainya perkhidmatan atau pekerjaan anda dengan Terex berakhir, anda masih memikul kewajipan tidak memuat turun, memindahkan, menggunakan atau mendedahkan dengan apa cara sekali pun maklumat berempunya milik Terex.

Maklumat Persaingan

Maklumat persaingan dikutip sebagai tugas yang rutin bagi setiap perniagaan. Walau bagaimanapun, tipu daya atau cara yang bertentangan dengan undang-undang janganlah



Uji Diri

Oleh sebab saya anggota Jabatan Sumber Manusia, saya banyak mengendalikan data yang sulit tentang ahli pasukan. Saya selalu pergi ke pelbagai tapak kerja Terex, maka di manakah harus saya simpan maklumat sulit tentang ahli pasukan yang mungkin saya perlukan?

SEDANG BERSIAP SEDIA UNTUK MENGUTIP MAKLUMAT PERSAINGAN?

Kita tidak menggunakan tipu daya atau cara yang bertentangan dengan undang-undang untuk mendapatkan maklumat persaingan.



Komunikasi hendaklah jujur



Gunakan maklumat yang boleh didapati secara umum



Jangan bertukar maklumat sulit syarikat



Jangan gunakan firma penyelidikan untuk mengutip maklumat dengan menggunakan kaedah yang tidak boleh kita gunakan

sekali-kali digunakan untuk mendapatkan maklumat persaingan. Ahli pasukan yang mendapat maklumat sulit tentang pesaing dengan cara yang tidak halal tidak dibenarkan mengkaji, menyalin atau mendedahkan maklumat itu. Maklumat selanjutnya tentang cara **Mengutip Maklumat Persaingan** boleh didapati pada **Intranet Global Terex**.

Ahli pasukan yang pernah bekerja dengan pesaing Terex tidak dibenarkan mendedahkan, dan tidak boleh diminta atau dibenarkan mendedahkan, maklumat sulit milik pesaing itu.

Sistem Komunikasi dan Maklumat

Terex menyediakan pelbagai alat untuk menolong ahli pasukan bekerja dengan lebih cekap. Bergantung pada tanggungjawab kerja anda, anda mungkin dibenarkan menggunakan e-mel, aplikasi cloud, komputer, pelayan, rangkaian, tablet (misalnya, iPad), telefon pintar (misalnya iPhone atau Android), pencetak, mesin faks, sidang video, telefon, mel suara dan/atau alat komunikasi yang lain. Alat-alat ini milik Syarikat dan hendaklah digunakan dengan cara yang mematuhi nilai-nilai murni **Cara Terex**, dasar-dasar Terex dan undang-undang yang berkenaan.

Jangan masuk atau cuba masuk ke dalam sistem atau kawasan fizikal kecuali anda dibenarkan berbuat demikian secara nyata. Begitu juga, jangan benarkan pihak ketiga memasuki sistem atau kawasan fizikal Syarikat tanpa mendapatkan kebenaran yang betul. Sistem Teknologi Maklumat hanya boleh digunakan oleh orang yang diberi akaun pengguna yang berkenaan dan bukannya ahli pasukan yang lain.

Anda harus tahu bahawa, kecuali dasar di tapak anda atau undang-undang tempatan memperuntukkan selainnya:

- Segala komunikasi dan maklumat yang dihantar melalui, diterima melalui, atau disimpan di dalam sistem atau alat Syarikat adalah milik Terex;



Uji Diri

Pekerjaan saya melibatkan tugas mengutip maklumat persaingan supaya saya dapat memahami pasaran dan bersaing untuk memperoleh urus janji. Apakah kaedah yang boleh saya gunakan?

- Sistem atau alat Syarikat tidak boleh sama sekali digunakan untuk mengedarkan bahan atau melakukan aktiviti yang tidak senonoh, menjelikkan, memfitnah atau mengganggu orang lain;
- Sistem e-mel Terex dan sistem komputer Terex yang lain dimaksudkan untuk kegunaan rasmi Terex, tetapi sedikit kegunaan peribadi dibenarkan;
- Terex tidak bertanggungjawab melindungi, memulihkan atau mendapatkan balik maklumat yang anda simpan di dalam sistem Terex (contohnya, pelayan e-mel, komputer meja, komputer riba atau yang lain) untuk kegunaan peribadi anda sendiri;
- Janganlah anda harapkan kerahsiaan apabila menggunakan e-mel, mel suara, komputer, telefon dan sistem komunikasi Syarikat yang lain;
- Syarikat berhak memantau dan memasuki akaun e-mel, mel suara, komputer, telefon dan rekod lain ahli pasukan, termasuklah komunikasi dan/atau aktiviti internet;
- Pemerolehan atau pemasangan perisian, sistem atau penyelesaian SaaS memerlukan kelulusan Jabatan Teknologi Maklumat Terex dahulu. Rujuk **Dasar Pemasangan Perisian** untuk mendapatkan maklumat selanjutnya;
- Alat-alat peribadi tidak boleh digunakan untuk menjalankan urusan Syarikat ataupun disambungkan dengan rangkaian dalaman Terex tanpa mendapatkan kelulusan Jabatan Teknologi Maklumat Terex; dan
- Syarikat berhak memadamkan mana-mana maklumat Syarikat yang disimpan di dalam barang-barang persendirian ahli pasukan, misalnya tablet atau telefon pintar.

Kerahsiaan dan Perlindungan Data

Terex menghormati kerahsiaan data peribadi milik ahli-ahli pasukannya dan juga pihak-pihak lain, dan komited terhadap usaha mematuhi keperluan perlindungan dan keselamatan data di negara-negara tempat kita beroperasi. Semua ahli pasukan Terex dikehendaki mematuhi **Dasar Perlindungan Data Terex Corporation**.

Terex memindahkan data peribadi melintasi sempadan antarabangsa selaras dengan undang-undang kerahsiaan di negara penghantar dan penerima. Terex Corporation komited terhadap usaha mengendalikan maklumat yang boleh mengenalkan diri seseorang dengan cermat dan menjaga serta melindungi maklumat sedemikian untuk memastikan maklumat itu tidak hilang, disalahgunakan, diambil tanpa izin, didedahkan, diubah atau dihapuskan.

Ahli pasukan hendaklah mengikuti garis panduan yang berikut apabila melindungi data peribadi:

- **Gunakan data peribadi sebagaimana yang dimaksudkan.** Gunakan data peribadi hanya untuk tujuannya yang asal. Kita tidak dibenarkan mengutip data peribadi untuk sesuatu tujuan tetapi kemudian menggunakannya untuk tujuan lain pula.
- **Simpan data peribadi dengan selamat.** Apabila menghantar dokumen yang mengandungi data peribadi, gunakan penyulitan dan perlindungan kata laluan. Kunci fail, laci dan komputer riba semasa tidak digunakan.
- **Semak sebelum menghantar.** Pastikan anda telah mengenal pasti dengan betul penerima mana-mana e-mel atau lampiran sebelum menghantar data peribadi.
- **Hapuskan apabila selesai.** Rekod yang mengandungi data peribadi mestilah disimpan hanya selama tempoh yang diperlukan untuk tujuan rasmi yang dimaksudkan. Kemudian, lupuskan semua data peribadi dengan cermat. Maklumat tentang penyimpanan dokumen boleh didapati di dalam **Dasar Pengurusan Kitaran Hidup Maklumat Terex Corporation**.
- **Segera Laporkan Kebocoran Data Yang Disyaki atau Yang Boleh Berlaku.** Jika anda mendapat tahu tentang kebocoran data yang disyaki atau yang boleh berlaku, segera laporkan kebocoran itu kepada **Pegawai Perlindungan Data** dan **Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan**.

Jika anda ingin bertanya tentang kerahsiaan atau perlindungan data, hubungi mana-mana anggota **pasukan Etika dan Pematuhan Terex**.

5 PETUA UNTUK MELINDUNGI DATA PERIBADI



1

Gunakan Sebagaimana Yang Dimaksudkan



2

Jaga Dengan Selamat



3

Semak Sebelum Menghantar



4

Hapuskan Apabila Selesai



5

Segera Laporkan Kebocoran Data Yang Disyaki atau Yang Boleh Berlaku

CARA TEREX

Dengan Kerajaan Kita dan Dengan Komuniti Kita

Mematuhi semua undang-undang, secara tersurat dan tersirat, adalah sebahagian daripada tataniaga kita. Bahagian Tataetika dan Tatakelakuan ini yang seterusnya, iaitu *Cara Terex Dengan Kerajaan Kita dan Dengan Komuniti Kita*, menerangkan komitmen kita untuk menjadi warga dunia, negara dan tempatan yang terpuji, dan kehendak terhadap semua ahli pasukan Terex sehubungan dengannya.

Pematuhan Undang-undang

Kita menjalankan perniagaan di seluruh dunia. Atas sebab ini, operasi kita tertakluk kepada undang-undang pelbagai negara, wilayah, negeri, bandar dan perikatan, misalnya Kesatuan Eropah.

Sebagai syarikat yang bertapak di Amerika Syarikat, undang-undang Amerika Syarikat selalunya merangkumi operasi dan anggota gabungan kita, dan juga ahli-ahli pasukan Terex yang berada di negara-negara lain yang menjadi tempat kita menjalankan perniagaan. Negara-negara lain juga mungkin mengenakan undang-undang mereka sendiri di luar sempadan negara mereka.



Kita komited terhadap usaha mencapai tahap etika tingkah laku yang tertinggi semasa berurusan dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan tatakelakuan industri yang dikenakan di setiap negara tempat kita menjalankan perniagaan. Kita tidak akan berkelakuan dengan cara yang menyalahi undang-undang melalui pihak ketiga.

Dalam sesetengah keadaan, undang-undang di dua negara atau lebih bercanggah, atau undang-undang yang dikenakan bercanggah dengan peruntukan Tataetika dan Tatakelakuan kita ataupun dengan dasar Terex. Dalam keadaan begitu, patuhilah undang-undang atau piawaian yang memerlukan tahap etika yang tertinggi, dan hubungi **pasukan Etika dan Pematuhan Terex** atau mana-mana peguam di **Jabatan Undang-undang Terex** untuk memohon bantuan menyelesaikan percanggahan tersebut.

Hak Asasi Manusia

Mendukung hak asasi manusia itu selaras dengan nilai-nilai murni Cara Terex kita. Kita menjaga, menghormati dan menyokong hak asasi manusia dan kebebasan semua orang. Hak asasi manusia mendasari masyarakat yang saksama, adil dan mampan, dan semua ahli pasukan bertanggungjawab melindungi hak asasi manusia. Syarikat kita tidak akan membiarkan sahaja apa-apa bentuk perhambaan, pengabdian, pemerdagangan manusia, buruh kanak-kanak atau buruh paksa dalam perniagaan kita atau dalam rantai bekalan kita. Selain itu, kita mengadakan sistem untuk memastikan bahawa produk-produk kita tidak mengandungi galian pertempuran. Baca **Laporan ESG** Terex Corporation yang terbaharu untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang cara Terex Mendukung Hak Asasi Manusia, termasuklah komitmen kita terhadap Matlamat Pembangunan Mampan PBB.

Kita menetapkan piawaian yang tinggi untuk para pembekal kita dan menghendaki mereka mengamalkan sikap bertanggungjawab dari segi sosial, undang-undang dan etika. Kita menghendaki semua pembekal yang berurusan dengan Terex agar mendukung amalan hak asasi manusia, buruh, kesihatan dan keselamatan, alam sekitar dan etika perniagaan yang disyorkan di dalam **Tatakelakuan Pembekal** kita.

Terex ialah syarikat yang pertama sekali memasarkan trak kecil berkuasa elektrik sepenuhnya.



Alam Sekitar

Melaksanakan prinsip-prinsip yang mampan, mengurangkan sebaran karbon dan menyahut cabaran persekitaran tempatan tidak hanya menambah nilai untuk para pelanggan kita tetapi juga mencerminkan nilai teras Semangat Kewargaan kita. Keputusan perniagaan hendaklah mengambil kira cara-cara mengurangkan penggunaan tenaga, bahan api, air dan sumber lain dalam operasi kita dan dalam rantai bekalan kita. Kita komited terhadap usaha meningkatkan kecekapan mesin dan kelengkapan yang kita keluarkan dan kita amalkan pengurangan sisa dalam operasi kita melalui prinsip kitar semula, guna semula dan bersih semula. Semua ahli pasukan memegang kepentingan yang besar dalam perjalanan kita ke arah mengurangkan sebaran karbon dan menyejahterakan lagi dunia kita ini.

Kita komited terhadap usaha mematuhi sepenuhnya semua undang-undang dan peraturan alam sekitar, mengikut maksudnya yang tersurat dan yang tersirat, di setiap negara yang menjadi tempat kita berurusan. Selain itu, setiap ahli pasukan Terex bertanggungjawab melaporkan kepada penyelia, pakar HSE atau ketua tapak masing-masing dengan segera, sebarang pelanggaran, ataupun tumpahan, luahan atau sebaran ke alam sekitar, supaya masalah itu dapat diatasi dengan segera.

Terex melarang, tanpa pengecualian, pengisian maklumat yang diketahui palsu, ke dalam mana-mana borang kerajaan, laporan pemantauan ataupun jawapan bagi permintaan maklumat oleh agensi kerajaan. Mengusik atau mencairkan sampel, ataupun memberikan maklumat palsu mengenai hasil pensampelan, dan sengaja tidak memenuhi syarat permit atau mengikuti protokol yang

ditetapkan bagi proses mengutip, mensampel, menguji, menganalisis atau mencatatkan data alam sekitar dilarang dengan keras. Selain itu, memintasi langkah kawalan atau alat pemantau alam sekitar dengan cara yang melanggar syarat peraturan atau permit dilarang dengan keras.

Semua permit yang berkenaan akan diperolehi dan syarat-syarat permit itu hendaklah ditepati. Kita komited terhadap usaha melindungi alam sekitar dengan cara mengurangkan dan mencegah sisa, luahan dan sebaran ke alam sekitar. Kita juga komited menggunakan, mengendalikan, mengangkut dan melupuskan semua bahan mentah, produk dan sisa dengan cara yang selamat.



Ahli-ahli pasukan Genie Korea menghantar 1,000 bata arang kepada beberapa keluarga untuk memanaskan pondok mereka.

Sokongan Komuniti dan Penglibatan Dengan Komuniti

Kita beruntung kerana berpeluang menjalankan perniagaan dalam berbilang komuniti merata dunia. Sebagai warga komuniti tersebut, kita mesti selalu mengamalkan sikap bertanggungjawab. Ini maksudnya menjalankan operasi kita dengan selamat dan bersiap sedia menangani apa jua kecemasan yang mungkin berlaku.

Kita sokong dan bina komuniti kita dengan cara melibatkan diri secara giat. Penglibatan kita mungkin ringkas sahaja, misalnya menaja organisasi belia tempatan, ataupun kompleks, misalnya membantu dengan pembinaan sekolah atau hospital. Kita warga komuniti kita. Apabila kita menyejahterakan lagi komuniti kita, kita juga mengukuhkan lagi perniagaan kita.

Sumbangan Amal, Penajaan dan Derma

Sumbangan amal, penajaan dan derma yang dibuat bagi pihak Terex ataupun yang dibuat dengan menggunakan wang Syarikat mestilah diluluskan dahulu oleh pengurus besar atau ketua tapak, dan juga oleh presiden segmen perniagaan yang berkenaan. Selain itu, sumbangan amal, penajaan atau derma, yang dikeluarkan sama ada sekali ataupun beberapa kali, yang melebihi AS\$2,500 setahun mestilah juga diluluskan terlebih dahulu oleh Pengerusi Lembaga Pengarah dan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Terex. Semua kelulusan mestilah diberikan secara bertulis.



Ahli-ahli pasukan MP Omagh menyertai acara "spin-a-thon" yang berterusan selama 25 jam untuk menyokong sebuah organisasi amal kesihatan mental tempatan.



Soal Jawab

Undang-undang perlindungan alam sekitar sangat kompleks. Bagaimana boleh saya tahu bahawa saya patut bimbangkan sesuatu situasi?

Kegiatan dan Sumbangan Politik

Kita hormati hak ahli pasukan bergiat dalam bidang politik tetapi keputusan anda untuk melibatkan diri dibuat sendiri secara sukarela sepenuhnya. Kegiatan politik ahli-ahli pasukan hendaklah dijalankan pada luar waktu kerja dengan sumber sendiri. Pada setiap masa, anda perlu menjelaskan bahawa anda melahirkan pandangan anda sendiri dan bertindak sendiri, bukannya bagi pihak Syarikat.

Oleh sebab kegiatan politik korporat dihadkan secara tegas, maka ahli pasukan dilarang membuat sumbangan politik, sama ada secara langsung ataupun tidak, bagi pihak Terex atau dengan menggunakan wang Syarikat kecuali dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Ketua Pegawai Eksekutif, **Ketua Pegawai Kewangan** atau **Ketua Peguam** Terex Corporation. Undang-undang di banyak negara mengehendkan sumbangan politik oleh syarikat-syarikat secara tegasnya. Melanggar undang-undang ini boleh mengakibatkan hukuman yang sangat berat, termasuklah penjara bagi orang yang terlibat.



Uji Diri

Pengurus saya meminta saya menyumbangkan derma untuk menyokong seorang calon politik yang disokongnya. Adakah itu berpatutan?

Indeks

A

Alat Mudah Alih 30
Antipakat 17
Arak 15
Aset Kewangan 29
Aset Milik Syarikat 25
Audit 26

B

Bangsa 13
Bayaran 20, 21, 25, 26
Berurusan Secara Adil 17
Broker 20
Buruh Kanak-kanak 34
Buruh Paksa 34

C

Cara Terex 3, 5, 6, 7, 8, 10, 11, 14, 16, 18, 24, 31, 33, 34

D

Dadah atau Arak 15
Dasar Pintu Terbuka 8
Data Peribadi 32
Derma 35, 36
Diskriminasi 6, 14
DVD 30

E

Ejen 20, 23
Eksport Semula 12
E-mel 30, 31, 32
Ethicspoint 9

G

GAAP 25

Gangguan 6, 14
Gangguan Seksual 6, 14

H

Hadiah 18, 19, 21
Hak Cipta 29
Haluan Seksual 13
Harga 17, 20, 23, 29, 31
Harta Intelektual 29, 30
Hiburan, Keraian 18, 19
Hormat 3, 12, 14, 18, 29
Hubungan Peribadi 27, 28

I

Identiti 9
Import 21
Integriti 3, 5, 6, 16, 17, 24
Intranet 5, 9, 13, 22, 23, 31
Invois 26, 29

J

Jabatan Undang-undang Terex 6, 18, 20, 26, 28, 29, 34
Jantina 13

K

Kanak-kanak 34
Kawalan Eksport 21, 22, 23
Keberanian 3
Keganasan 14
Kegiatan dan Sumbangan Politik 36
Kelakuan Diri 11, 15
Kelakuan Penyelamat Nyawa Terex 12
Keluarga 7, 11, 18, 27, 28, 29, 35
Kemalangan Yang Nyaris-nyaris Berlaku 11, 12
Kepelbagaian 3, 13

Kepimpinan Dalam Berkhidmat 3
Keputusan 3, 7, 13, 15, 19, 27, 28, 34, 36
Kerahsiaan dan Perlindungan Data 32
Keselamatan 3, 6, 11, 12, 15, 16, 17, 18, 28, 30, 32, 34
Kesihatan dan Keselamatan 11, 12, 15, 18, 34
Keterangkuman 3, 13
Komputer 30, 31, 32
Komputer Meja 32
Komputer Riba 30, 32
Komuniti 3, 5, 11, 13, 33, 34, 35, 36
Konflik Kepentingan 27, 28
Kualiti 3, 16, 17, 18

L

Larangan Perdagangan 21, 22, 23
Layanan Yang Adil 14

M

Maklumat Kewangan 15, 29
Maklumat Orang Dalam 15, 28, 29
Maklumat Persaingan 30, 31
Maklumat Sulit 15, 17, 27, 29, 30, 31
Media 15, 30, 31
Media Sosial 15, 30, 31
Membangkitkan Persoalan 5, 6, 7, 8, 10, 14, 35
Membuat Keputusan Yang Betul 7
Membuli 6, 14
Mesin Faks 31
Model Peletakan Harga 29

N

Negara Asal 13

O

Orang Tengah 20

P

Pakar Runding 5, 7, 14
 Pasangan Hidup 27
 Paten 29
 Pegawai Awam 18, 19
 Pelanggan 2, 3, 5, 13, 14, 16-23, 25, 27, 29, 31, 34
 Pelaporan Kewangan 24, 25
 Pelayan 30, 31, 32
 Peluang Pekerjaan Yang Saksama 14
 Pemacu USB 30
 Pematuhan Undang-undang 33
 Pembekal 11, 17, 18, 19, 27, 34
 Pemegang Saham 3, 5, 13, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32
 Pemerdagangan Manusia 34
 Pemuluan 22
 Pencetak 31
 Pengabdian 34
 Penedar 17, 20, 23, 26, 27
 Penginapan 18
 Pengubahan Wang Haram 6, 20, 21
 Peningkatan Berterusan 3
 Penipuan 6, 7, 26
 Penjual 20, 27, 29
 Penyelia 6, 12, 27, 28, 34
 Penyiasatan 6, 7, 10, 26
 Penyimpanan Rekod 26
 Perakaunan 6, 24, 25, 26, 29
 Perdagangan Orang Dalam 28, 29
 Perhambaan 34
 Perhubungan Pelabur Terex 15
 Perjalanan 11, 14, 15, 18, 21, 34
 Persaingan Adil 17, 18
 Pertanyaan 6, 9, 10, 15
 Pesaing 17, 27, 31
 Pihak Ketiga 5, 6, 9, 17, 20, 23, 30, 31, 34
 Pihak Pengurusan, tanggungjawab 6, 26

R

Rahsia Perdagangan 29
 Rangkaian 13, 30, 31, 32
 Rasuah 6, 18, 20
 Rekod 25, 26, 32

S

Saham Terex 28
 Salah Nyata 26
 Sekatan Ekonomi 21, 22, 23
 Semangat Kewargaan 3, 34
 Senarai Pelanggan 29
 Senarai Penjual 29
 Sistem Komunikasi dan Maklumat 31
 Sogokan 19, 20
 Sokongan Komuniti dan Penglibatan Dengan Komuniti 35
 Sulitkan 30
 Sumbangan 35, 36

T

Tablet 30, 31, 32
 Talian Bantuan 6, 9, 10, 26, 30
 Talian Bantuan Sulit 9
 Talian Bantuan Terex 6, 9, 10, 26, 30
 Tanda Dagang 29
 Tataetika dan Tatakelakuan 5-11, 14, 15, 16, 19, 22, 24, 33, 34
 Telefon 9, 15, 30, 31, 32
 Telefon Pintar 15, 30, 31, 32
 Tempat Perniagaan 5, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23
 Tindakan Balasan 6, 10, 14, 36
 Tumpahan 34

U

Undang-undang 5-7, 9-12, 14, 17-23, 25, 26, 28-36
 Undang-undang Cegah Rasuah 20
 Undang-undang Sekuriti 28
 Usaha Sama 3, 5, 22

W

Wang Tunai 19, 20, 29